

Juku ini mestilah dikembalikan ka Perpustakaan  
tidak lewat dari tarikh terakhir yang dibawah.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kelas: 77 Ad.  
No Perolehan: 10465  
Tarikh: 12/77

MASYARAKAT BANJAR DI DALAM KONTEKS  
PERUBAHAN

(Tumpuan pada Masyarakat Banjar di-  
Sri Gading Batu Pahat)

(a) penilaian sosial  
Batu Pahat

(b) penilaian ekonomi

(c)

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA  
MUDA SASTRA DALAM JABATAN ANTROPOLOGI  
DAN SOSIOLOGI

OLEH:

No: MATRIK: 26528

JABATAN ANTROPOLOGI SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

DISEMBER, 1977.

(i)

PENGHARGAAN

Ucapan terimakasih saya tujukan kepada penyelia saya

Puan Azizah Kasim, yang telah banyak memberikan perhatian dan pertolongannya, untuk saya menyudahkan Latihan Ilmiah ini dengan sempurna.

Juga saya mengucapkan berbanyak terimakasih terhadap pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama mereka kepada saya.

(a) penduduk-penduduk Bahagian 5B Ladang Getah

Sri Gading.

(b) Cik Hamidah Rohani.

(c) dan lain-lain yang telah memberikan sepenuh

kerjasama mereka sehingga selesainya latihan

Ilmiah ini.

No.Metrik 26528

Kolej Ketiga

Universiti Malaya

Disember, 1977/78

SINOPSIS

Selama ini kita telah banyak mendengar tentang beberapa masyarakat pendatang yang tinggal di Malaysia. Mereka terdiri daripada penduduk-penduduk di Kepulauan Melayu dan juga daripada tempat lain seperti India, China dan Timor Tengah. Mereka datang pada masa dahulu sebagai pendagang-pedagang atau pun datang untuk membuka penghidupan baru disini. Setengah daripada mereka telah menjadi konstituen masyarakat Melayu dan setengahnya tidak dapat diterima, walaupun telah berassimilasi dan berintegrasi dengan masyarakat Melayu Tempatan. Tekanan pada faktor ugama Islam untuk mendefinasikan sesorang sebagai Melayu, telah hanya memberi peluang kepada golongan-golongan penduduk seperti orang Banjar, Jawa, Minangkabau, Arab, diterima sebagai orang Melayu. Walhal orang-orang India Chittiar, Baba Melaka tidak dapat diterima.

Didalam kajian Ilmiah ini pengkaji melihat satu masyarakat pendatang iaitu masyarakat Banjar diladang getah Sri Gading. Mereka telah lama tinggal dikalangan masyarakat Melayu Tempatan, sehinggalah beberapa ciri kebudayaan tradisi mereka hampir luput.

Didalam bab 3 akan dibentangkan beberapa ciri budaya tradisi Banjar, setelah itu akan cuba ditinjau beberapa ciri yang telah diinggalkan dan masih diikut lagi selama ini. Dengan itu pengkaji mencuba membuat rumusan tentang kebudayaan masyarakat Banjar yang ada sekarang.

Didalam bab 4 akan ditinjau apakah yang menggerakkan mereka untuk berubah kearah kebudayaan masyarakat Melayu Tempatan.

Didalam bab akhir (bab 5) pengkaji akan cuba membuat suatu analisa tentang apakah ada kemungkinan kekalnya masyarakat ini dimasa akan datang.

Perlu diingat bahawa kajian ditempat yang kecil ini tidak tentunya menepati keseluruhan penduduk Banjar ditempat lain di Malaysia. Pengkaji hanya cuba melihat segolongan kecil sahaja daripada mereka, bagi melihat proses perubahan yang telah dilalui.

DAFTAR MASYARAKAT DAN KEGIATAN DILAKUKAN DI DENGAN BANJAR	16
(a) Princip Religius .....	21
(b) Pola kebiasaan .....	23
(c) Tradisi Orang Banjar .....	24
(d) Persepsi dan Filosofi Religius Orang Banjar .....	25
(e) Hubungan orang-orang Banjar dan Melayu	26
DAFTAR JURU PENGETAHUAN BANJAR .....	34
A) PENDIDIKAN	35
(a) Pola Pendidikan Masyarakat Banjar .....	35
(b) Sumber pelajaran sejilas perkembangan .....	36
(c) Sumber sifir aktiviti perkembangan .....	37

	(isi)
<u>KANDONGAN</u>	Muka Surat
PENGHARGAAN . . . . .	(i)
SINOPSIS . . . . .	(ii)
KANDONGAN . . . . .	(iii)
SENARAI RAJAH . . . . .	(iv)
 BAB 1 : PENDAHULUAN . . . . .	1
A: TUJUAN KAJIAN . . . . .	1
B: KENYATAAN MASAALAH . . . . .	4
C: CARA PENYELIDIKAN DAN BATASAN . . . . .	4
D: BIDANG KAJIAN . . . . .	7
 BAB 2 : KELUARGA BANJAR DALAM KONTEKS MASYARAKAT DILADANG SRI GADING BAHAGIAN 5B . . . . .	14
(I) Prinsip Kekeluargaan . . . . .	21
(II) Pola tempat tinggal . . . . .	24
(III) Kedudukan Ekonomi . . . . .	24
(IV) Pekerjaan dan Tingkat Pelajaran Ketua rumah tangga . . . . .	25
(V) Hubungan orang-orang Banjar dan Melayu	31
 Bab 3 : BEBERAPA ASPEK BUDAYA TRADISI BANJAR . . . . .	34
A: PERKAHWINAN	35
(a) Pola Perkahwinan Masyarakat Banjar . .	35
(b) Upacara sebelum majlis perkahwinan . .	36
(c) Upacara untuk istiadat perkahwinan . .	37


KANDONGAN

## Muka Surat

B: UPACARA KELAHIRAN . . . . .	42
C: UPACARA KEMATIAN . . . . .	44
D: BAHASA . . . . .	45
E: PAKAIAN DAN KEMAHIRAN . . . . .	46
F: CIRI BUDAYA BANJAR DIMASA SEKARANG . . . . .	48
 BAB 4 : PERUBAHAN DIKALANGAN MASYARAKAT BANJAR . . . . .	54
(I) Faktor Kawasan . . . . .	55
(II) Faktor pekerjaan yang sama . . . . .	56
(III) Faktor Ugama . . . . .	56
(IV) Aktibiti sosial . . . . .	57
(V) Polisi Kerajaan . . . . .	60
(VI) Faktor pelajaran . . . . .	61
 BAB 5 : MASA DEPAN MASYARAKAT BANJAR . . . . .	65
 BIBLIOGRAFI: . . . . .	75
 LAMPIRAN : CONTOH QUESTIONNAIRE . . . . .	

## SENARAI JADUAL:

	Muka surat
Jadual 1 : Pola perkahwinan .....	14
Jadual 2 : Bilangan penduduk mengikut umur .....	15
Jadual 3 : Bilangan penduduk mengikut jantina .....	16
Jadual 4 : Bentuk keluarga .....	17
Jadual 5 : Bilangan anak mengikut keluarga .....	18
Jadual 6 : Istilah kekeluargaan Banjar .....	23
Jadual 7 : Bilangan wanita yang bekerja .....	28
Jadual 8 : Pemilikan tanah sendiri .....	31
Jadual 9 : Penglibatan penduduk di dalam persatuan/ kumpulan .....	58
Jadual 10 : Tingkat pelajaran anak-anak Banjar .....	61



Kedudukan Estet Sri Gading - Batu Pahat, Johor.

Sumber : Rujukan Peta Siri L 7010, Syit 123, Jabatan Ukur Malaysia.

## BAB I

### PENGENALAN

#### A. TUJUAN KAJIAN:

Kebudayaan Melayu merupakan keseluruhan cara hidup orang-orang Melayu. Sekiranya ditinjau dari segi ras, bahasa dan unsur-unsur kebudayaan yang lain, kebudayaan Melayu tidaklah terhad kepada orang-orang Melayu yang tinggal di Malaysia ini. Ia juga meliputi tempat-tempat lain di Alam Melayu.<sup>1</sup> ialah daerah-daerah kepulauan Melayu, Selatan Siam, Kemboja, Vietnam dan Laos. Kepulauan Melayu pula meliputi Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan seluruh pulau-pulau disekitarnya.

Oleh itu orang-orang Melayu di Malaysia adalah sebahagian daripada warisan budaya Melayu itu. Oleh sebab mereka telah dipisahkan oleh bentuk-bentuk politik yang berbeza; khususnya perbezaan yang diakibatkan oleh kolonialisme Barat, terdapatlah perbezaan dari segi bentuk budaya mereka; setiap daerah menjalani sejarah perkembangan sendiri, tanpa memberi kesan kepada daerah yang berdekatan. Di Malaysia terdapat orang-orang Melayu yang terdiri daripada berbagai golongan ethniki. Mereka terdiri daripada penduduk-penduduk dibeberapa bahagian kepulauan melayu khususnya kepulauan Indonesia. Mereka ini walaupun berasal daripada rumpun yang sama, perbezaan dapat dilihat terutamanya dari segi kebudayaan mereka dengan orang-orang melayu tempatan. Golongan pendatang ini telah datang ke Malaysia berabad-abad yang lalu dan tinggal menetap disatu kawasan tertentu. Didalam kehidupan mereka sehari-hari mereka cuba mengekalkan kebudayaan mereka yang asal ditempat kediaman yang baru. Perbezaan kebudayaan golongan pendatang ini dengan kebudayaan orang-orang melayu tempatan

---

<sup>1</sup> Aziz Deraman: Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia, K.L. 1975 MS 15

adalah disebabkan oleh alam persekitaran dan suku bangsa yang berlainan. Oleh itu timbulah perbezaan cara hidup golongan pendatang ini dengan orang-orang melayu tempatan, walaupun begitu, setelah beberapa lama tinggal dikalangan masyarakat melayu, kebudayaan masyarakat-masyarakat pendatang ini sedikit sebanyak berubah daripada asalnya. Telah berlakunya kesepaduan kebudayaan mereka dengan kebudayaan melayu, keadaan begini sedikit sebanyak telah dapat menghilangkan rasa prasangka diantara kedua kumpulan. Golongan pendapatang-pendatang daripada kepulauan melayu yang berada di Malaysia termasuklah orang-orang keturunan Jawa, Banjar, Bugis, Minangkabau dan lain-lain lagi.

Didalam 'The Federation of Malay Aggrement 1948' ada disebutkan bahawa orang-orang melayu adalah mereka yang:

- (a) Bercakap Bahasa Melayu
- (b) Menganut Ugama Islam
- (c) Mengamalkan adat resam dan kebudayaan melayu.

Juga didalam artikel 160 perlembagaan Malaysia telah dinyatakan bahawa:

'Melayu ertinya sesorang yang mengamalkan ugama Islam, lazim bercakap melayu, menurut adat istiadat melayu dari:

- (a) lahir sebelum hari merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau Singapura atau pada hari merdeka ia adalah bermastautin di Persekutuan atau Singapura atau
- (b) Ia adalah keturunan seorang yang tersebut.

Daripada penjelasan kedua definasi yang tercatit didalam perlembagaan itu jelaslah menunjukkan masyarakat melayu di Malaysia

tidaklah terhad kepada orang keturunan melayu tempatan. Ia juga meliputi berbagai-bagai gulungan etnik yang lain (gulungan pendatang) khususnya yang datang daripada Kepulauan Indonesia. Disamping itu gulungan pendatang seperti orang-orang keturunan Arab, India Muslim juga dapat dianggap sebagai orang melayu kerana mereka telah menepati aturan-aturan yang telah termaktub didalam Perlembagaan Malaysia. Faktor ugama yang digunakan dalam tarifan 'Melayu' menyebabkan gulungan orang-orang China Peranakan (Baba) dan gulungan India Peranakan(Chitty) tidak dapat dimasukan kedalam kelompok orang-orang melayu, Walaupon mereka telah begitu arif dengan kebudayaan melayu, bercakap didalam bahasa melayu dan mengamalkan sedikit sebanyak budaya melayu.

Oleh itu amatlah baik sekali jika kita melihat setiap gabungan penduduk di Malaysia ini secara terperinci. Jelas dilihat daripada empat gulungan besar iaitu Melayu, China, India dan lain-lain, terkandung didalam tiap-tiap gulungan yang besar itu berbagai-bagai masyarakat daripada berbagai keturunan. Oleh itu adalah menjadi tujuan kajian ini untuk melihat sejauh mana pengekalan kebudayaan salah satu masyarakat pendatang iaitu masyarakat Banjar di Malaysia ini. Mereka telah lama bermastautin disini dan telah sedikit sebanyak meresapi ciri-ciri kebudayaan melayu tempatan. Dalam pada itu mereka juga mahu mengenalkan identiti kumpulan dengan meneruskan beberapa ciri kebudayaan asal mereka. Disamping itu pengkaji ingin meninjau apakah perubahan-perubahan yang telah berlaku keatas kumpulan mereka setelah beberapa lama tinggal dikalangan masyarakat melayu tempatan. Kajian-kajian penting dibuat untuk melihat sejauh manakah mereka dapat mempertahankan identiti kumpulan mereka dan sejauh mana assimilasi mereka dengan kebudayaan melayu tempatan. Adakah disatu masa

kelak akan terhapus identiti golongan Banjar ini setelah melalui assimilasi yang sepenuhnya dengan masyarakat tempatan? Tumpuan bahan untuk kajian ialah dikalangan masyarakat Banjar diladang Sri Gading Batu Pahat Johor.

#### B. KENYATAAN MASAALAH

Didalam kajian Ilmiah yang pendek ini pengkaji ingin melihat:

- (i) Ciri-ciri kebudayaan masyarakat Banjar tradisi, tumpuan ialah pada beberapa aspek penting seperti bahasa, beberapa upacara penting, didalam masyarakat tersebut. Untuk mengetahui hal-hal ini pengkaji telah mendapatkan keterangan-keterangan daripada golongan tua.
- (ii) Apakah yang menggalakkan mereka untuk berubah mengikut cara hidup orang-orang melayu tempatan.
- (iii) Ciri-ciri kebudayaan Banjar tradisional yang masih diikut sehingga kemasa sekarang dan juga ciri kebudayaan yang telah ditinggalkan.
- (iv) pandangan golongan tua dan muda tentang keujudan masyarakat mereka dimasa hadapan.

Oleh itu pengkaji ingin mencari jawapan-jawapan terhadap

keempat persoalan tadi bagi menentukan kedudukan masyarakat Banjar yang sebenarnya didalam konteks masyarakat hari ini.

#### C. CARA PENYELIDIKAN DAN BATASAN

##### (i) Cara pemilihan respondon

Respondon adalah terdiri daripada ketua-ketua rumah tangga.

Pengkaji membahagikan mereka kepada dua golongan iaitu golongan 40 tahun keatas sebagai golongan tua dan 40 tahun kebawah sebagai golongan muda.

Dari melihat cara penghidupan dan mendengar pendapat-pendapat kedua golongan ini, pengkaji berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan untuk melihat perubahan dikalangan masyarakat ini.

(ii) Pengumpulan data

Pengumpulan data bagi kajian ini telah dibuat didalam awal bulan April sehingga akhir bulan Mei. Pengkaji telah tinggal bersama emak saudarannya di kawasan ladang ini.

Bagi mendapatkan data-data dan penerangan, pengkaji telah menggunakan cara-cara:-

(a) Soal selidik (Questionnaire) dimana ia digunakan bagi mendapatkan data-data 'demography' seperti untuk melihat pendapatan, tingkat pendidikan, penglibatan didalam aktifiti sosial.

(b) Temubual (Interview)

Ia digunakan bagi mendapatkan butir-butir tentang hubungan sosial, pendapat-pendapat secara terbuka oleh responden. Temubual secara 'informal' dibuat dengan responden yang dipilih bagi mendapatkan maklumat yang tertentu. Temubual dijalankan sendiri oleh pengkaji dengan bertanyakan soalan-soalan dan mencatitkan sendiri jawapan-jawapannya.

(c) Peserta Pemerhati (Participant Observation)

Cara ini amatlah penting didalam membuat kajian yang berbentuk 'ethnography'. Didalam masyarakat kecil begini, tidak ada cara yang lebih baik, melainkan pengkaji sendiri tinggal

bersama didalam sesuatu kelompok. Dengan itu pengkaji dapat membuktikan dan membuat pengesahan kepada beberapa tanggapan yang telah dibuat secara umum. Pemerhatian dan pendengaran yang teliti merupakan teknik yang baik untuk mendapatkan maklumat dan data-data terutama keatas perkara yang menjadi rahsia kepada ahli-ahli kelompok sahaja.

(d) Penyelidikan Khutub Khanah (Library Research)

Ia dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian.

(iii) Kesulitan yang dihadapi didalam kajian

Pengkaji menghadapi kesulitan didalam membuat kajian disebabkan, pertamanya ia bukanlah penduduk dikawasan tersebut dan bukanlah juga seorang berketurunan Banjar. Bagi mengatasi hal ini pengkaji membawa seorang rakan daripada penduduk disitu ketika menjalankan kajian.

Masaalah kedua yang dihadapi ialah ada diantara penduduk-penduduk disitu yang enggan bekerjasama dengan pengkaji didalam memberikan keterangan-keterangan. Jawapan-jawapan yang diberikan tidaklah selengkapnya, seolah-olah mereka merasa malu untuk berterus terang dan curiga keatas tujuan pengkaji.

Masaalah ketiga ialah tentang kekurangan bahan bacaan mengenai kumpulan ini. Pengkaji terpaksa menerima keterangan yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk disitu, contohnya tentang sejarah kedatangan mereka kekawasan ini. Pengkaji juga bergantong kepada bahan kajian yang telah dibuat oleh beberapa pengkaji lain.

D. Bidang Kajian

Masyarakat Banjar dikawasan Sri Gading ini kebanyakannya mendiami kampong-kampong yang berhampiran dengan pekan dan juga mendiami kawasan ladang getah Sri Gading. Pekan Sri Gading terletak kira-kira 7 batu dari-pada Bandar Batu Pahat. Ia mengandungi kampong-kampong Pasir Panjang, Parit Budin, Sengkuang, Kampong Baru dan Ladang Getah Sri Gading.

Tumpuan kajian ialah diladang getah Sri Gading, Bahgian 5B yang mengandungi 36 unit rumah., kawasan ini dipilih kerana ia merupakan satu bentuk 'nucleated settlement' dimana terdapat penduduk keturunan Banjar dan Melayu tinggal bersama. Penduduk Banjar merupakan golongan majoriti disini. Ini memudahkan pengkaji melihat darjah intergrasi dan assimilasi dikalangan kedua kumpulan ini.

Penduduk disini adalah berasal daripada tempat-tempat yang berlainan; tujuan mereka tinggal disini adalah sama, iaitu untuk tujuan ekonomi dan aktifiti yang mereka jalankan adalah hampir serupa. Oleh itu adalah wajar jika hubungan intergrasi yang tinggi ujud dikalangan kedua kumpulan melayu dan Banjar disini.

Dikampong-kampong lain telah terdapat percampuran diantara penduduk-penduduk keturunan Banjar dan Melayu dan adalah sukar untuk melihat satu kelompok masyarakat Banjar yang kekal hidup bersama seperti yang terdapat diladang getah ini.

Bahgian 5B ini terletak kira-kira 2 batu daripada pekan Sri Gading dan jalan masuk kekawasan ini ialah melalui jalan tanah merah yang boleh dilalui oleh lori dan kereta. Jalannya agak baik, kerana pehak ladang sentiasa mengambil berat tentang keadaannya. Diladang ini hanya

terdapat sebuah sekolah Tamil bagi murid-murid keturunan Tamil yang kebanyakannya tinggal dibahgian ke 4. Bahgian ke 4 ini adalah tempat kediaman yang berhampiran sekali dengan kawasan 5B. Terdapat juga sebuah kuih Hindu, padang bola, dewan orang ramai dan kedai runcit. Oleh kerana bahgian 5B dan bahgian ke 4 terletak berhampiran, mereka dapat menggunakan segala kemudahan ini bersama-sama.

Bagi kanak-kanak keturunan Melayu, untuk bersekolah mereka terpaksa pergi kesekolah-sekolah di Kampong Baru dan Sengkuang atau di Pekan Sri Gading. Untuk melanjutkan pelajaran kesekolah menengah penduduk disini menghantarkan anak mereka kesekolah-sekolah Menengah di Batu Pahat. Begitulah juga dengan Masjid, ia terdapat dikampong Baru dan di Pekan Sri Gading, lain-lain kemudahan seperti Klinik Kerajaan, panggong wayang semuanya terdapat di Pekan Sri Gading. Oleh itu motorsikal dan basikal menjadi kenderaan utama penduduk dikawasan ini, kerana tempat-tempat kemudahan awam adalah agak jauh daripada tempat kediaman mereka.

Berhampiran dengan bahgian 5B ini terdapat juga Kilang Getah kepunyaan ladang, pejabat dan rumah-rumah kerani, dan pengurus ladang. Oleh itu jika dibandingkan dengan kedudukan tempat kediaman lain, bahgian 5B inilah paling hampir dengan berbagai kemudahan yang terdapat diladang ini.

Ladang getah Sri Gading ini mula-mula dibuka pada tahun 1945, oleh orang-orang Jepun, semasa mereka memerintah dahulu. Setelah mereka menyerah kalah kepada pihak Inggeris Ladang ini juga turut diserahkan kepada pihak Inggeris. Ladang ini pada masa pemerintahan Jepun di-

kelolakan oleh sebuah kompani yang bernama 'Sangokochi'. Diladang ini masih terdapat kubur pengurus ladang bangsa Jepun itu, yang diperbuat daripada batu. Menurut cerita penduduk disini, pada waktu-waktu malam terutamanya bulan terang, mereka pernah ternampak seolah-olah seorang lelaki tua, berjalan-jalan membawa sebuah lampu minyak tanah, berhampiran dengan kubur itu. Kubur itu terletak berhampiran dengan jalan masuk keladang ini. Sejak daripada penyerahan pehak Jepun kepada pehak Inggeris saorang pengurus bangsa Inggeris telah mengendalikan ladang ini sehingga tahun 1955, apabila pehak Inggeris telah menjualkan ladang ini kepada sebuah Kompani China dan ladang ini sekarang dikenal sebagai ladang getah Ko. yang beribu pejabat di Singapura.

#### Sejarah Kedatangan Orang-orang Banjar ke Kawasan ini:

Tidaklah dapat dipastikan tarikh kedatangan mereka kekawasan Batu Pahat ini. Kaum Banjar ini dikatakan berasal daripada Pulau Kalimantan Selatan dan bandar ereka ialah Banjar masin. Mereka juga berasal daripada Sumatra Tengah dikawasan Bukit Tinggi dan Sepat<sup>2</sup>. Daripada kedua kawasan ini dipercayai suku Banjar ujud dan mengembang ketempat lain, melalui pengembaraan yang dibuat dibahagian lain dikawasan kepulauan Melayu. Terdapat beberapa penempatan orang-orang Banjar di Malaysia seperti daerah Krian Perak, Sungai Manek, Bagan Datok, Sabak Bernam, Tanjong Karang Selangor dan di Batu Pahat. Di Sabah orang-orang Banjar terdapat di Sandakan, Tenom, Keningan dan Tawau. Suku Banjar terdiri daripada berbagai puak diantara yang terbesar ialah Puak Banjar Hamuntai, Banjar Kelua, Banjar Alai dan Banjar Masin<sup>3</sup>.

<sup>2</sup> Mohd Reduan Aslie, Masyarakat Banjar di Malaysia. Mastika Julai 1977 Utusan Melayu MS 72

<sup>3</sup> Ibid. MS 74

Diladang getah Sri Gading ini terdapat hampir semua daripada mereka keturunan Banjar Alai. Nama-nama suku kaum ini adalah berkaitan dengan nama tempat-tempat mereka berasal di Kalimantan dahulu.

Penghijarahan orang-orang Banjar ke Malaysia dianggarkan berlaku didalam pertengahan abad ke 19. Jika mengikut satu kajian<sup>4</sup>, di Batu Pahat pada abad ke 19 telah ujud satu perkampongan yang mengandungi penduduk berketurunan Jawa, Melayu dan Banjar, dikawasan Pantai Batu Pahat, pada tahun 1880 terdapat berbagai bangsa di Batu Pahat dan bilangan orang Banjar telah bertambah, tetapi mereka menghadapi kesukaran untuk memiliki tanah. Disebabkan ketidak ada kemampuan mereka untuk membayar sewa-sewa tanah perhumaan dan tempat tinggal, ramai diantara mereka yang telah pulah ketanah asal mereka atau pun mencari tempat kediaman ditempat lain disini.

Orang-orang Banjar datang untuk tujuan perniagaan kelapa kering melalui Siak, Bantam, Indragiri dan terus ke Batu Pahat dan Singapura.<sup>5</sup> Apabila telah sampai di Malaysia, tumpuan mereka adalah ketempat-tempat yang telah disebutkan dibahagian awal tadi. Biasanya mereka datang dengan menaiki tongkang dan bertumpu kekawasan dimana telah terdapat ramai kaum keluarga atau sahabat handai yang telah datang lebeh awal daripada mereka.

Diladang Sri Gading ini didapati ramai orang-orang Banjar yang telah datang dipandu oleh 'Sheikh' (Ketua) dan dibawa ke Singapura dengan

<sup>4</sup> Lihat Mohd @ Ahmad Pawasi b. Mohd Basri, 'Sejarah Ringkas Batu Pahat' 1880 - 1917'. Kajian Ilmiah B.A. Jabatan Sejarah U.M. 1971/72

<sup>5</sup> Lihat Siti Fatimah Awang, Perkahwinan dan Kekeluargaan Masyarakat Banjar. Kajian Ilmiah Jabatan Antropologi & Sosioologi UM. 1973/74

menaiki tongkang. Sheikh-sheikh ini akan berusaha mencarikan tempat-tempat tinggal dan pekerjaan yang sesuai bagi orang-orang Banjar yang baru datang itu. Sheikh-sheikh adalah terdiri daripada orang-orang Banjar itu sendiri, terutamanya mereka yang mempunyai banyak pengalaman tentang soal-soal pentadbiran. Menurut seorang responden, bapanya semasa diIndonesia (Medan) telah bekerja sebagai kerani disebuah ladang kepunyaan Belanda. Ia telah diberhentikan kerja kerana didapati terlibat didalam komplot membuat passport palsu untuk mereka yang ingin pergi ke Singapura. Jadi dia telah juga lari ke Singapura. Mereka-mereka seperti inilah yang dapat menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perpindahan orang-orang Banjar ke Malaysia. Oleh sebab pada masa awal kurun ke 20 getah telah menjadi eksport utama diBatu Pahat dan ditanam secara besar-besaran, tenaga buruh diladang getah amatlah diperlukan<sup>7</sup>. Tambahan pula harga gambir dan lada telah merosot; jadi sebagai penyelesaian untuk penduduk-penduduk mencari mata pencarian, mereka telah mula datang kekawasan ladang-ladang getah. Jepun telah mula menanam getah dibeberapa kawasan di Sri Gading, Semberong dan Tanjung Laboh. Tambahan pula undang-undang Tanah 1910 telah membenarkan pehak pengeluar membeli tanah, ini menambahkan peluang bagi pehak Jepun untuk membuka ladang getah yang lebih luas.

Oleh itu peluang bagi orang-orang Banjar yang baru sampai untuk mendapatkan pekerjaan diladang getah amatlah besar. Ada beberapa respondon yang memberitahu bahwa pada mula-mula mereka datang keladang di Sri Gading ini, mereka tidak tahu cara-cara menoreh getah dan telah

---

<sup>7</sup> Mohd @ Ahmad Pawazi bin Mohd.Basri. op. cit. MS 36.

diajarkan cara-cara yang betul dengan menoreh batang-batang getah yang sudah dipotong. Ini dibuat setiap hari sehingga mereka mahir. Disamping itu terdapat juga diantara mereka yang membuka tanah dikampong-kampong dan membentuk satu kelompok masyarakat Banjar seperti yang terdapat dikampong pasir Panjang. (lihat kedudukan kampong ini dipeta).

Perlu dinyatakan juga bahwa pekerja-pekerja yang mula-mula datang ke Ladang getah Sri Gading ini terdiri daripada orang-orang India, kemudian barulah diikuti oleh orang-orang Banjar dan seterusnya orang-orang Cina dan Jawa. Dimasa itu tempat tinggal mereka dibina didalam bentuk rumah-rumah panjang. Pekerja-pekerja yang datang ini diarahkan untuk membersehkan hutan dan menanam pokok-pokok getah dan dari sejak itulah ujudnya penempatan orang-orang Banjar dikawasan ini. Pada awalnya golongan Banjarlah yang menjadi penduduk yang paling ramai disini. sehingga orang-orang daripada keturunan lain berasa curiga untuk tinggal bersama mereka. Oleh itu apa yang nyata sekarang daripada kesan sejarah ini terdapatlah satu pola penempatan sesuatu golongan seperti dibahgian ke 4 didiami oleh majoriti orang-orang India, sebilangan kecil orang-orang Melayu dan Cina. Dibahgian ke 5 ini didiami oleh kebanyakkan orang Banjar.

Golongan yang paling awal tinggal dikawasan ini telah ramai yang meninggaldunia atau pun sebelum sampai tempoh masa berhenti bekerja dengan pehak ladang, mereka telah berpindah kekawasan Felda, atau lain-lain rancangan tanah. Keadaan ini menyebabkan penduduk dikawasan ini sentiasa bertukar. Sungguh pun demikian, kawasan ini tetap menjadi tumpuan orang-orang keturunan Banjar. Ada diantara mereka yang berasal

daripada kampong-kampong yang berhampiran dengan kawasan ladang, memandangkan pendapatan yang rendah dikampong mereka biasanya pergi ke ladang ini untuk bekerja bagi mendapatkan pendapatan yang lebih tetap. Biasanya mereka terdiri daripada pasangan yang baru berkahwin atau pun pemuda yang masih bujang. Setelah beberapa lama bekerja dan tinggal di kawasan ini, mereka berkahwin dan membentuk 'Family or procreation' masing-masing. Oleh itu pola keluarga asas amat jelas terdapat disini (keterangan lanjut lihat bab 2).

<u>Jumlah</u>		<u>Persen</u>
<u>Persendirian</u>		
1.	Bujang + Wanita	7 pasangan
2.	Bujang + Selang	6 pasangan
3.	Wanita + Selang	5 pasangan
4.	Selang + Selang	6 pasangan
5.	Malang Selang/Janji	2 pasangan
<u>Total</u>		33 pasangan
		100%

Malang tidak termasuk antara Janda bukuburuan bujang dan 2 orang buah hati wanita bujang.

BAB 2

KELUARGA BANJAR DALAM KONTEKS MASYARAKAT DI LADANG SRI GADING  
BAHAGIAN 5B

Disini terdapat sebanyak 36 buah unit rumah, yang didiami oleh keluarga-keluarga buruh ladang. Rumah disini berbentuk 'terrace houses', dan disetiap blok mempunyai sebanyak enam buah rumah. Oleh itu disini terdapat sebanyak 6 blok rumah-rumah (Blok A - F). Kebanyakan ketua-ketua rumah tangga bekerja sebagai penoreh getah di ladang dan hanya seorang bekerja sebagai pemandu lori dan traktor diladang. Bagi melihat bilangan keluarga Banjar yang terdapat dikawasan ini patutlah dilihat daripada pola perkahwinan yang terdapat disini

Jadual IPola Perkahwinan

<u>Perkahwinan diantara</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1. Banjar + Banjar	20 pasangan	60.61%
2. Banjar + Melayu	4 pasangan	12.12%
3. Banjar + Java	5 pasangan	15.15%
4. Java + Java	2 pasangan	6.06%
5. Melayu + Melayu/Jawa	2 pasangan	6.06%
JUMLAH	*33 pasangan	100%

\*bilangan tidak termasuk seorang Janda berketurunan Banjar dan 2 orang duda keturunan Banjar.

Daripada kenyataan data diatas tadi didapati bahawa bilangan keluarga Banjar masih ramai terdapat dan hanya 4 keluarga yang tidak ada mempunyai hubungan kekeluargaan dan perkahwinan dengan orang-orang Banjar.

Kemudian jika dilihat pula jadual mengenai pembahgian penduduk mengikut umur didapati seperti berikut:

Jadual 2

Bilangan Penduduk Mengikut Umur

<u>Umur</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1 - 6 tahun	26	11.71%
7 - 12 tahun	43	19.37%
13 - 18 tahun	25	11.26%
19 - 24 tahun	34	15.32%
25 - 30 tahun	27	12.16%
31 - 36 tahun	21	9.46%
37 - 42 tahun	17	7.66%
43 - 48 tahun	15	6.76%
49 - 54 tahun	11	4.95%
55 tahun	3	1.35%
<b>JUMLAH</b>	<b>222</b>	<b>100%</b>

Daripada data-data diatas didapati daripada 20 pasangan keluarga Banjar, seramai 14 pasangan berumur 40 tahun kebawah dan 6 pasangan berumur 40 tahun keatas, 4 pasangan Melayu dan Banjar terdapat dikalangan golongan muda (40 tahun kebawah). Begitu jugalah dengan pasangan Banjar dan Jawa, 4 daripada mereka terdiri daripada golongan muda dan satu daripadanya dari golongan tua. Oleh itu didapati dikawasan ini masih lagi terdapat golongan muda yang memilih pasangan hidup sesama Banjar dan hanya 9 pasangan berkahwin campuran. Bagaimana pun jika dilihat, didalam keadaan yang sebenarnya, kebanyakkan pemuda Banjar disini bekerja samada di ladang ini semasa bujang atau pun bekerja dikampong. Hal ini tidak menggalakkan mereka untuk mencari pasangan hidup diluar kelompok mereka. Tambahan pula perkahwinan biasanya diaturkan oleh orang tua masing-masing. Itulah sebabnya terdapat ramai pasangan Banjar dikawasan ini.

Mengenai pembahagian penduduk mengikut jantina pengkaji mendapati seperti berikut:

Jadual 3

Bilangan Penduduk Mengikut Jantina

<u>Jantina</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
Lelaki	119	53.60%
Perempuan	103	46.40%
<b>JUMLAH</b>	<b>222</b>	<b>100%</b>

Dikawasan ini, oleh kerana kesempitan ruang tempat tinggal, telah menyebabkan bilangan famili asas adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan bentuk-bentuk kekeluargaan yang lain.

Jadual 4

Bentuk Keluarga

	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1. Famili Asas	30	83.33%
2. Ibu + Anak-anak	1	2.78%
3. FA + Ibu bapa isteri	1	2.78%
4. Suami + Isteri	2	5.55%
5. Bujang (duda)	2	5.55%
JUMLAH	36	100%
	—	—

Selain daripada faktor ruang yang tidak menggalakkan keluarga besar terbentuk, didapati juga bahawa ramai pasangan-pasangan adalah terdiri daripada golongan muda. Mereka ini lebih suka mempunyai keluarga asas daripada keluarga besar. Oleh itu jika dilihat pada Jadual 2 didapati bilangan kanak-kanak yang berumur 1-6 tahun dan 7-12 tahun adalah seramai 69 orang. Disamping itu jika dilihat didalam Jadual 5 dibawah ini didapati ramai keluarga disini yang mempunyai bilangan anak yang ramai. Ini juga tidak memungkinkan keluarga besar terbentuk.   
menurut keluarga, ia wujud sejak seorang doktor. Bilangan yang mempunyai anak seramai 3 - 5 orang adalah sekitar tujuh puluh lima buah dan setia. Dilihat pada diklasifikasi golongan muda, mereka mempunyai anak-

Jadual 5Bilangan anak Mengikut Keluarga

<u>Bil. Anak</u>	<u>Bil. Keluarga</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Peratus</u>
1 orang	4	4	2.61%
2 orang	3	6	3.92%
3 orang	8	24	15.69%
4 orang	3	12	7.84%
5 orang	4	20	13.07%
6 orang	2	12	7.84%
7 orang	5	35	22.88%
8 orang	2	16	10.46%
11 orang	1	11	7.19%
13 orang	1	13	8.5%
<b>tidak anak</b>	<b>3</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>36 keluarga</b>	<b>*153 orang</b>	<b>100%</b>

\*Jumlah termasuk bilangan anak-anak yang telah berkahwin, bekerja atau telah pergi ketempat lain.

Didapati mereka yang mempunyai anak seramai 11 dan 13 orang adalah daripada golongan tua. Isteri seorang daripada mereka kerap melahirkan anak sehingga ia hampir maut ketika melahirkan anak yang ke 13. Walaupun suaminya telah diberi nasihat daripada doktor supaya merancang keluarga, ia enggan menerima nasihat doktor. Bilangan yang mempunyai anak seramai 5 - 8 orang adalah meliputi kedua golongan tua dan muda. Dilihat pula di kalangan golongan muda, mereka mempunyai anak-

anak diantara 1 - 4 orang. Mereka lebh suka merancang keluarga mereka, lebeh-lebeh lagi ini akan dapat memberi peluang bagi isteri-isteri untuk bekerja bagi menambahkan pendapatan suami. Oleh itu bolehlah dikatakan bahwa kepentingan famili asas kepada penduduk-penduduk dikawasan ini, adalah sebagai memenuhi keperluan ekonomi dan menentukan akan kehidupan masa depan keluarga mereka dengan lebeh terjamin.

Didalam membincangkan bentuk-bentuk famili adalah elok jika dihuraikan tentang pergertian tiap-tiap bentuk famili. Pertamanya, famili asas - ia merupakan satu bentuk famili terdiri daripada ibubapa dan anak-anak mereka. Bentuk ini terdapat dikalangan masyarakat moden khususnya mereka yang tinggal dibandar. Mereka tidak bergantong kepada hidup ahli-ahli keluargaan sendiri, untuk <sup>A</sup> didalam kekeluargaan hak dan tanggong jawab sesorang telah ditentukan dan famili dan kekeluargaan perlu bagi memenuhi kehendak biologi, sosialisasi, kehendak psikologi, ekonomi dan politik. Umpamanya didalam hal mengerjakan tanah hubungan diantara ahli keluarga adalah rapat, solidamiti dan kerjasama diutamakan.

Didalam keadaan perubahan corak ekonomi, keadaan seperti ini tidak lagi ujud bahkan hampir luput disebabkan penghususan pekerjaan, pemilihan harta secara individu, dan kemudahan daripada peluang-peluang pekerjaan. Ini telah mengurangkan fungsi kekeluargaan; unit kekeluargaan bertambah kecil hingga membentuk famili asas sahaja. Setiap keluarga asas dapat berdiri diatas kaki sendiri tanpa perlu memenuhi obligasi terhadap anggota keluarga mereka yang lain.

Ditinjau akan keadaan masyarakat Banjar diladang ini, didapati mereka juga telah tidak memenuhi obligasi-obligasi terhadap

ahli-ahli keluarga mereka yang lain; kehidupan mereka hanyalah ditumpukan lebih kepada 'family of procreation', iaitu keluarga yang mereka bentuk sendiri. Didalam pada itu keadaan mereka tidaklah begitu eksterim, seperti yang terdapat dibandar-bandar, dimana terhadap pengambilan alih fungsi-fungsi kekeluargaan oleh 'non-kinship structures', sehingga menjadikan famili sebagai 'specialised agency'. Umpamanya terdapat beberapa institusi-institusi mengambil alih peranan kekeluargaan seperti sekolah atau Tadika, rumah kebajikan masyarakat dan lain-lain.

Secara kasarnya orang-orang Banjar dikawasan ini mementingkan keluarga asal. Disebalik itu hubungan mereka dengan ahli-ahli keluarga ditempat lain adalah rapat seperti juga yang terdapat dikalangan masyarakat Melayu dikampong-kampong. Walaupun hubungan tidak terjelma didalam bentuk ekonomi, hubungan baik terjelma didalam hal-hal lain.

Bentuk keluarga kedua yang terdapat disini ialah keluarga besar. Ia merupakan satu keluarga asas dan orang-orang lain yang ada hubungan dengan suami dan isteri seperti ibubapa isteri atau suami.

Bentuk ketiga ialah 'denuded family' iaitu satu keadaan dimana suami dan isteri tidak mempunyai anak dan mereka tinggal berdua sahaja. Anak-anak mereka telah berkahwin atau tidak lagi tinggal bersama mereka atau pun mereka adalah suami isteri yang tidak mempunyai anak.


(1) Prinsip Kekeluargaan:

Masyarakat Banjar mengamalkan sistem 'bilateral descent' iaitu satu sistem kekeluargaan yang menyusor galur keturunan seseorang itu melalui keturunan kedua belah pehak ibu dan bapa ego. Asas pengelumpukan masyarakat bukanlah mengikut satu nisab seperti masyarakat yang mengamalkan sistem 'matrilineal' dimana mereka menyusor galorkan keturunan melalui keturunan sebelah ibunya sahaja; atau pun sistem 'patrilineal' yang menyusor galurkan keturunan melalui keturunan sebelah bapa sahaja.

Oleh kerana sistem bilateral mementingkan kedua pehak ibu dan bapa, ego mengira kumpulan saudara mara mereka dengan melihat orang yang berkaitan dengan ibu bapanya. Jadi pengolongan tidaklah tegas. Tidak ada gelaran tertentu digunakan bagi kaum keluarga sebelah ibu dan bapa (adik beradik bapa/ibu ego); panggilan yang digunakan ialah Pak saudara, Mak saudara atau pun sepupu, dua pupu dan lain-lain. Untuk memudahkan pengelompokkan kekeluargaan digunakan konsep saudara dekat dan saudara jauh. Saudara dekat terdiri daripada mereka yang berketurunan daripada satu nenek moyang seperti datok dan nenek saudara ego, adik beradik ibubapa ego dan sepupu ego.

Saudara jauh pula terdiri daripada 3 pupu, 2 pupu dan lain-lain yang ada hubungan dengan kekeluargaan. Oleh itu kekeluargaan jenis bilateral ini bergantong kepada 'kinship filiation'

Jikaleu dilihatkan didalam rajah, bentuk sistem kekeluargaan bilateral adalah seperti berikut:



Oleh itu apabila dilihat didalam terminologi kekeluargaan orang-orang Banjar, jelas terdapat persamaan didalam istilah panggilan untuk pehak lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan mereka mementingkan persaudaraan kedua pehak ibu dan bapa ego. Contohnya untuk panggilan adik (lelaki dan perempuan) dipanggil ading dan untuk abang dan kakak istilah yang digunakan ialah kakak, contoh istilah kekeluargaan adalah seperti berikut:-

Jadual 6Istilah Kekeluargaan Banjar

	<u>Menyata</u>	<u>Panggilan</u>
1. Bapa	Bapaq (K)	Bapaq (K)
2. Ibu	Umak	Umak
3. Anak Lelaki	Anaq lelaki	
4. Anak Perempuan	Anaq Perempuan	nama sahaja
5. Abang	Kakak lelaki	
6. Kakak	Kakak babini	nama sahaja atau kakak
7. Adik Lelaki	Ading Lelaki	
8. Adik Perempuan	Ading Perempuan	atau adik
9. Abang/kakak Sulung	Panuhaknya	Kakak
10. Datok		
11. Nenek	Nenek	Nenek
12. Bapa Saudara	Marina Lelaki	Angah, Along
13. Emak Saudara	Marina Perempuan	Acik dll.
14. Anak Saudara	Anak Kemanakan	Nama
15. Sepupu	Sepupu	Nama
16. Cucu	Cucu	Nama
17. Bapa Mertua	Bapaq Mertuaq	Bapaq
18. Ibu Mertua	Umak Mertuaq	Umak
19. Menantu Lelaki/ Perempuan	- sama -	Nama

Selain daripada itu ada juga panggilan-panggilan umum yang boleh terpakai untuk semua orang seperti:

- (1) Utuh - panggilan untuk anak muda lelaki (biasanya yang tidak dikenal oleh si penyapa). Kadang-kadang gelaran ini diberikan untuk anak lelaki
- (2) Diang - gelaran/panggilan untuk anak gadis.

(ii) Pola tempat kediaman:

Pola tempat kediaman disini berbentuk 'neolocal'.

Iaitu satu jenis pola penempatan tempat tinggal baru yang dibentuk oleh pasangan suami isteri selepas berkahwin. Mereka tinggal disatu tempat baru berasingan daripada tempat tinggal keluarga asas masing-masing. Disini mereka membentuk satu 'family of procreation' yang baru.

Pola kediaman jenis ini jelas terdapat diladang ini berkaitan dengan tujuan kesemua pekerja/buruh-buruh penoreh getah yang datang kemari bagi tujuan ekonomi semata-mata. Tambahan pula kesempitan ruang tempat tinggal tidak memungkin untuk mereka membentuk family yang besar. (lihat Jadual 4 MS 17)

(iii) Kedudukan Ekonomi:

Kedudukan ekonomi mereka disini adalah mencukupi bagi setiap ketua rumah menyediakan keperluan asas keluarga mereka seperti makanan, pakaian dan barang-barang kemudahan awam seperti basikal, motorsikal, radio dan kebelakangan ini

telivision. Basikal dan motorsikal menjadi kenderaan utama disini. Setiap rumah mempunyai basikal dan motorsikal, ber-gantong pada ramainya ahli keluarga yang bekerja. Kedua kenderaan ini amatlah berguna bagi kegunaan mengangkat susu getah kegudang daripada tempat menoreh, mengangkat air dari-pada perigi atau pili air paip dan sebagai kenderaan untuk kemudahan mereka pergi ke pekan.

Radio juga dippunyai oleh setiap ketua rumah. Telivision hanya dippunyai oleh 10 buah keluarga, mereka menggunakan kuasa batteri atau 'generator' untuk television masing-masing.

Terdapat disetengah-setengah rumah yang mempunyai barang-barang perabut moden terutama (kerusi meja), barang-barang perhiasan daripada tembaga, pinggan mangkok moden. Kesemua barang-barang ini dibeli dengan cara beransor-ansor. Tentang pembelian barang-barang seperti radio, television, dan motorsikal, penduduk disini mendapat kepercayaan daripada pen-jual-penjual kerana gaji mereka yang lebih tetap jika di-bandingkan dengan orang-orang yang bekerja dikampong-kampong.

(iv) Pekerjaan dan Tingkat Pelajaran Ketua Rumah tangga:

Dari segi pekerjaan, dibahgian 5B ini didapati kebanyakkan ketua-ketua rumah dibahgian ini adalah bekerja sebagai buruh penoreh getah diladang, hanya seorang menjadi pemandu lori dan traktor. Kesemua mereka mempunyai tingkat pelajaran yang rendah.

Pelajaran mereka setakat darjah 6 sekolah Melayu atau pun di sekolah Ugama sahaja.

Setiap penoreh getah disini diberikan kawasan menoreh seluas lebeh kurang 4 ekar seorang, yang mengandungi 1,200 pokok getah. Walaupun begitu pembahagian dibuat dimana kawasan ini dibahagikan kepada 2 lot (Lot A dan Lot B). Setiap lot mengandungi 600 pokok getah. Setiap penoreh akan menoreh berganti-ganti diantara kedua lot ini. Jikalau pada hari ini mereka menoreh lot A, esoknya mereka menoreh dilot B pula. Dalam pada itu ada terdapat pekerja-pekerja disini yang tidak mempunyai lotnya sendiri setiap hari mereka menoreh ditempat/dilot yang tidak ditoreh oleh sesaorang penoreh (lot yang telah ditoreh pada hari sebelumnya). Mereka-mereka yang tidak mempunyai lot menoreh sendiri, berpeluang menoreh dilot yang berasingan setiap hari. Mereka lebeh beruntung sebab dapat memilih lot yang mempunyai susu getah yang banyak.

Pada setiap hari, kira-kira pukul 5.30pagi, setiap penoreh getah telah bangun dan menuju ketempat kerja masing-masing. Pada pukul 6.00 pagi siren dibunyikan menandakan bahwa setiap penoreh mestilah telah berada ditempat kerja masing-masing. Mandor-mandor akan memeriksa blok-blok ladang pada kira-kira pukul 8.00 pagi. Jika ada pekerja yang hendak cuti sehari mereka boleh terus memberitahu mandor masing-masing sahaja. Sungguh pun begitu mereka yang hendak mengambil cuti selama

lebih daripada satu hari terpaksa berjumpa dengan kerani di pejabat ladang dan mengambil surat cuti sakit.

Penoreh-penoreh yang tidak mempunyai lot menoreh sendiri pergi kerja pada pukul 7.00 pagi. Mereka biasanya menunggu ditepi jalan, dan mandor-mandor akan memberitahu mereka untuk menoreh di lot-lot dimana terdapat penoreh yang bercuti. Mereka juga menoreh di lot pekerja-pekerja perempuan yang cuti bersalin, selama 2 bulan. Disini apabila seseorang pekerja wanita telah sarat mengandong mereka mendapat cuti beberapa hari sebelum bersalin hingga sihat kembali selama 2 bulan. Jika tidak ada pekerja yang bercuti mereka 'berkongsi' menoreh dikawasan-kawasan penoreh yang ada lot tetap.

Setiap hari, setiap penoreh getah disini boleh mendapatkan susu getah diantara 160 paun hingga 180 paun. Ada juga masanya mereka mendapat lebih susu getah (kira-kira 200 paun), jika daun getah tidak gugor atau pun jika pokok-pokok banyak mengandungi susu getah penoreh getah mendapat gaji mengikut turun naiknya harga getah dipasaran. Pendapatan mereka didalam sehari ialah diantara \$5.00 - \$6.00. Ini adalah mengikut timbangan susu getah yang mereka perolehi. Setelah ditolak cuti hari minggu selama 4 hari didalam sebulan, purata gaji mereka ialah diantara \$160 - \$180 sebulan. Jika mereka mendapat cuti sakit atau disebabkan oleh hal-hal lain mereka boleh mendapat gaji minima sebanyak \$6.00 sehari. Cuti pekerja-pekerja didalam sehari sebanyak 22 hari, termasuk cuti

am dan cuti tahunan, selama 14 hari. Didalam masa cuti tahunan ini pehak majikan akan memberikan cuti bergaji kepada pekerja-pekerja.

Pada tiap-tiap dua minggu mereka mendapat separoh daripada gaji bulanan mereka. Pendapatan mereka setiap bulan tentulah tidak tetap kerana gaji mereka didapati mengikut timbang susu getah yang didapati oleh tiap-tiap penoreh, pada tiap-tiap hari mereka bekerja.

Memandangkan gaji yang kecil inilah ramai, isteri-isteri ketua rumah juga turut bekerja diladang ini sebagai penoreh getah. Ada para isteri yang menolong menoreh getah di-kawasan suami mereka dan ada pula yang mempunyai lot menoreh sendiri. Pendapatan isteri yang menoreh dilot sendiri adalah lebuh banyak daripada mereka yang hanya menolong suami sendiri. Dengan mempunyai pendapatan sendiri mereka dapat mengurangkan beban suami mereka.

#### Jadual 7

##### Bilangan Wanita yang bekerja

<u>Pekerjaan</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1. Menoreh Getah di-ladang	28	82.35%
2. Tiada bekerja	6	17.65%
JUMLAH	34*	100%

\*Hanya terdapat 34 isteri-isteri sahaja sebab terdapat 2 orang duda disini.

Waktu bekerja diladang ini ialah selama 8 jam setiap hari.

Penoreh-peroneh biasanya keluar bekerja pada pukul 6.00 pagi dan kerja akan selesai pada kira-kira pukul 9.00 pagi. Selepas itu susu getah yang telah dipunggut akan dihantarkan ke kelding pada pukul 12.00 tengahari. Masa menimbang getah untuk pekerja-pekerja ialah sehingga pukul 2.00 petang. Setelah itu pekerja-pekerja pulang kerumah masing-masing dan berehat.

Didapati disini oleh kerana ramai wanita yang bekerja, dan masing-masing mempunyai anak dirumah, tanggongjawab dan tugas mereka keatas rumah tangga adalah berat. Apabila sampai dirumah daripada tempat kerja mereka terpaksa membuat kerja-kerja dirumah. Selalunya selepas jam 4 atau 5 petang sahaja mereka dapat berehat-berehat.

Perlu diingat disini, bagi mengendalikan kanak-kanak kecil disini, ibu-ibu akan menghantarkan anak mereka yang berumur diantara 2 bulan hingga 2 tahun kerumah jagaan kanak-kanak diblok ini. Setiap pagi kanak-kanak ini dihantarkan kerumah jagaan, dan mereka dibekalkan dengan makanan, pakaian oleh ibu masing-masing; kanak-kanak ini dijaga oleh seorang wanita berumur 40 tahun. Ia mendapat bayaran sebanyak \$2.00 sebulan bagi tiap-tiap seorang budak, oleh itu didapati disini ramai kanak-kanak yang berumur 3 tahun hingga 6 tahun terbiar bermain-main, kerana tidak ada sesiapa yang akan mengawal mereka

dirumah. Tambahan pula terdapat begitu ramai kanak-kanak di peringkat umur ini sehingga mereka didapati seronok bermain sepanjang hari hingga kedua ibubapa mereka pulang dari kerja. (lihat Jadual 2 MS 15) pengkaji mendapat tahu pada masa dulu, ada sebuah Tadika ditubuhkan tetapi ianya tidak mendapat sambutan daripada ibubapa dan mereka merasakan bayaran \$2.00 untuk seorang anak adalah berat. Terutama jika mereka terpaksa menghantar lebeh daripada seorang anak kesitu.

Diwaktu malam, itu sahajalah masa dimana ibubapa dapat bersama-sama dengan anak-anak mereka. Tidaklah boleh dikatakan bahwa kanak-kanak disini tidak mendapat didikan yang baik daripada ibubapa masing-masing. Apa yang jadi masaalah ialah keadaan hidup yang susah memaksa ibu-ibu meninggalkan sebahagian tugas-tugas rumah tangga. Gaji suami-suami mereka kecil, tidaklah cukup bagi mereka untuk menampung anak-anak yang ~~ramai~~ terutama jika telah ramai yang bersekolah menengah.

#### Pemilikan Tanah:

Walaupun mereka pekerja-pekerja diladang ini, ada juga penduduk disini yang mampu membeli tanah sendiri dikampong yang berhampiran dengan tempat ini, seperti dikampong Baru. Bilangan mereka yang mempunyai tanah tidaklah ramai, kebanyakkan dipunyai oleh golongan tua atau yang hampir bersara. Tanah-tanah ini merupakan tanah kebun/ladang.

Jadual 8Pemilihan Tanah Sendiri

<u>Keluasan Tanah</u>	<u>Bil.</u>
2 ekar	5
3 ekar	2
4 ekar	1
5 ekar	1
<b>JUMLAH</b>	<b>9 orang</b>

(v) Hubungan Orang Banjar dan Melayu

Faktor utama yang menggalakan hubungan baik diantara orang-orang Melayu dan Banjar ialah faktor Ugama. Mereka sama-sama menganut Ugama Islam, secara langsung mereka dapat terus bersepadau didalam beberapa aspek budaya Melayu. Meninjau dari segi geografi, kedudukan rumah-rumah yang rapat telah menggalakan hubungan baik diantara orang Banjar dan Melayu. Mereka mempunyai berbagai persamaan dari segi bentuk pekerjaan dan masaalah yang dihadapi. Cara pengundian untuk menentukan rumah-rumah penghuni, mengelakkan penglomppokan sesuatu kumpulan famili kedalam sesuatu blok. Ini menolong mengeratkan lagi hubungan diantara mereka, lain-lain bentuk hubungan sosial dibentuk melalui berbagai jenis persatuan dan kumpulan yang telah dibentuk disini seperti kumpulan Yasin, Belia dan UMNO . (lihat bab 4).

Ketua blok disini dipilih melalui pengundian yang dijalankan oleh setiap penghuni disini. Majlis Masyuarat diadakan pada waktu-waktu tertentu disurau kawasan tersebut. Selain daripada mengadakan kelas Ugama, dan upacara bercorak Ugama, surau juga digunakan oleh penduduk untuk membuat kenduri kendara (doa selamat atau kenduri arwah). Ini dilakukan kerana kesempitan ruang untuk membuat kenduri didalam rumah masing-masing.

Institusi lain yang merapatkan hubungan penduduk ialah dewan orang ramai, padang main bola, sebuah rumah persatuan. Disinilah tertumpunya orang ramai pada waktu tertentu, umpamanya ketika perjumpaan politik dan perlawanan bola diadakan.

Sekolah merupakan tempat dimana kanak-kanak dari kedua keturunan (Banjar dan Melayu) dapat bergaul bersama. Jadi dari kecil lagi mereka telah menerima asuhan yang sedemikian bagi membolehkan mereka menghilangkan perasaan prasangka diantara satu dengan lain.

Bagi golongan yang tua pula, melalui pekerjaan yang sama, tempat tinggal yang sama dan aktifiti sosial yang sama, menyebabkan timbul perasaan untuk hidup bersama dengan harmoni. Begitu jugalah dengan perkahwinan percampuran dikalangan golongan muda, telah menambah rapat lagi jurang perbezaan diantara kedua kumpulan. Sesungguhnya melalui perkahwinan campuran diantara kedua kumpulan, orang-orang Banjar merasakan diri

mereka telah diterima sepenuhnya sebagai ahli masyarakat Melayu Tempatan. Sebelumnya terdapat halangan-halangan untuk golongan Banjar bergaul dengan orang-orang Melayu Tempatan, disebabkan oleh kelainan tempat asal dan beberapa ciri budaya. Tambahan pula orang-orang Banjar terkenal dengan sifat agresif dan cepat naik mafah. Orang-orang Melayu pun merasa curiga untuk bergaul mesra dengan mereka. Disebabkan itulah mereka buat beberapa lama tinggal sebagai kumpulan yang tersendiri, walaupun tinggal berhampiran dengan orang Melayu.

Mengikut seorang responden keturunan Melayu, pada mulamula ia sampai dibahgian 5B pada tahun 1960han, dia berasa amat terasing kerana keluarganya sahajalah keluarga Melayu. Bahgian 5B pada masa itu didiami hampir seluruhnya oleh orang-orang Banjar. Mereka sentiasa membawa sebilah pisau dan parang kecil yang diselitkan dipinggang dan mereka kerap berkelahi diatas beberapa hal yang bersangkutan dengan keluarga seperti pergaduhan diantara anak-anak mereka dan hal-hal lain yang berkaitan dan soal-soal peribadi. Setelah beberapa tahun keadaan mulai berubah disebabkan orang-orang Banjar tidak dapat mengelakkan diri bergaul dengan masyarakat yang lebih besar iaitu masyarakat Melayu Tempatan.

BAB 3BEBERAPA ASPEK BUDAYA TRADISI BANJAR

Budaya mempengaruhi kehidupan seseorang didalam masyarakat. Segala sesuatu yang dibuat oleh anggota-anggota sesebuah masyarakat adalah menurut proses sosialisasi yang telah dilalui didalam budaya masing-masing. Oleh itulah dikatakan budaya itu relatif; jika kita hendak meninjau sesuatu budaya, perlu ianya ditinjau dari segi masyarakat itu sendiri dan hubungan mereka dengan alam persekitaran dimana masyarakat itu ujud.

Pengertian budaya, didalam erti yang sebenar meliputi keseluruhan gerak kerja dan aktibiti kemasyarakatan. E.B. Tylor telah mentafsirkannya sebagai - keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tata-susila, undang-undang, moral, adat resam dan apa juga kebolehan serta kebiasaan yang dihadapi oleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat<sup>7</sup>. Oleh itu dapat dikatakan bahwa kebudayaan itu adalah apa juu yang kita fikir, buat dan punyai dalam kehidupan, merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat dan apa juga cara hidup kita merupakan penglahiran daripada apa yang kita warisi dari masyarakat kita.<sup>8</sup>

<sup>7</sup>Tylor E.B. Primitive Culture. J.Murry London. 1903 MS 1

<sup>8</sup>Aziz Deraman. op. cit. MS. 8

Masyarakat Banjar mempunyai ciri-ciri kebudayaan mereka yang tersendiri berbeza daripada masyarakat Melayu Tempatan. Tumpuan pengkaji ialah kepada beberapa ciri utama budaya tradisi dan kemudiannya diikuti dengan budaya Banjar seperti yang ada sekarang.

#### A. PERKAHWINAN

Perkahwinan ialah cara untuk pembentukan famili dan kekeluargaan. Pada dasarnya fungsi utama perkahwinan ialah untuk pengesahan sosial (social recognition) dimana kebapaan dan keibuan serta kesahaan anak-anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan dapat diiktiraf oleh masyarakat. Disamping itu kekeluargaan juga mementingkan 'biological ties'. Walaupun begitu, sesorang anak angkat yang tidak ada hubungan darah dapat diakui sebagai anak ibu bapa tertentu setelah mendapat pengiktirafan daripada masyarakat. Pengiktirafan masyarakat meliputi dari segi ugama dan sosial. Perkahwinan tidak semestinya bertujuan untuk pembiasaan, kerana terdapat disetengah masyarakat yang menganggap perkahwinan untuk tujuan 'campanionship' sahaja.

##### (a) Pola Perkahwinan masyarakat Banjar:

Dikalangan masyarakat Banjar tradisi, perkahwinan berbentuk 'endogamous' amatlah digalakkan. Ini adalah untuk menjamin ketulinan golongan mereka. Golongan daripada luar tidak digalakkan untuk masuk ke dalam masyarakat mereka. Jika digalakkan perkahwinan secara 'exogamous' lambat laun akan terdapat percampuran dengan golongan luar dan ini akan sedikit sebanyak meluputkan

masyarakat mereka sendiri.

Endogami ditekankan dalam masyarakat tradisi mungkin kerana terbatasnya hubungan orang-orang Banjar ini dengan kumpulan ethnik lain khasnya orang-orang Melayu; dan kurangnya penerimaan orang-orang Melayu kepada mereka kerana mereka ini dulunya terkenal dengan sifat agresif.

Disamping itu dari segi perwarisan harta, mereka takut harta-harta mereka akan jatuh ketangan orang-orang daripada kelompok lain. Bagi menjamin hal ini, ahli-ahli kelompok digalakkan perkahwinan secara endogamous. Oleh itu perkahwinan melibatkan saudara mara sahaja.

(b) Upacara sebelum majlis perkahwinan

Seperti juga orang-orang Melayu, setiap perkahwinan dimulai dengan upacara melamar atau merisik, meminang dan bertunang. Apabila pinangan telah diterima, perbincangan dibuat oleh kedua belah pihak untuk menentukan hantaran belanja (jujuran) dan bayaran wang sebanyak \$10 - \$100 untuk pengikat pertunangan. Jika sesuatu hal berlaku menyebabkan pihak sigadis memutuskan pertunangan, bayaran ganti rugi satu kali ganda jumlah hantaran pihak lelaki, dibuat untuk pihak lelaki. Jika pihak lelaki yang memutuskan pertunangan jumlah hantaran kepihak perempuan dikira hangus sahaja.

Setelah tetap hari untuk pernikahan wang hantaran belanja serta barang-barang hantaran yang lain akan dihantarkan kepihak perempuan. Hantaran diantar beberapa

beberapa hari sebelum perkahwinan, atau pun dibawa pada hari pernikahan itu sendiri. Kebanyakkan mereka lebh mempraktikan hantaran yang awal tadi, ini dipanggil belanja hangus.

Beberapa hari sebelum hari perkahwinan pertolongan saudara mara amatlah diperlukan disamping pertolongan dari jiran-jiran tetangga. Keperluan untuk bersanding, bilik tidor pengantin, kuih-kuih diperbuat oleh mereka. Sifat bergotong royong ini memang sentiasa ada dikalangan orang-orang kampong sehingga kemasa ini.

(c) Upacara untuk istiadat perkahwinan

(i) Berwadaq, berinai dan berandam

Pengantin perempuan terpaksa menghadapi dua upacara iaitu yang dipanggil berwadaq dan berinai, dua hari sebelum hari pernikahan. Upacara berwadaq ialah cara untuk membersihkan badan pengantin; pembersehan dibuat dengan menggunakan bedak yang dibuat daripada beras yang digiling dengan kunyit hidup. Bedak itu disapukan rata-rata kebadan supaya selepas mandi kulit pengantin akan lebeh bersih dan berseri-seri. Selepas itu upacara menginai jari-jari tangan diadakan. Upacara hanya terhad untuk ahli-ahli keluarga sahaja, serta jiran-jiran yang datang menolong.

Pengantin juga diandam oleh Mak Andam yang pakar didalam hal menghias pengantin. Pengantin dibersehkan bulu rom, anak rambut dicukur, bulu kening pula

dibentuk supaya lebih menarik. Selepas ini pengantin dimandikan dan digosok badan dengan bedak beras. Semasa membuat upacara ini Mak Andam akan membaca ayat-ayat koran dan meraut muka pengantin supaya ia nampak berseri-seri bila bersanding nanti.

(ii) Upacara mandi pengantin

Upacara ini dibuat sehari sebelum hari persandingan. Ia memerlukan beberapa peralatan-peralatan yang agak rumit untuk menyediakannya. Peralatan itu adalah seperti berikut:

- (a) Beberapa jenis kuih muih iaitu lepat inti, lepat pisang, pulut putih, pulut kuning, bubor merah, bubor putih, cingkarak batu, cingkarak kapal, pisang emas, telor, tepong tawar, beras pengeras, madu, dan cucur jawa. Kesemua kuih dibuat oleh orang-orang yang dipanggil untuk menolong.
- (b) Rumah tempat mandi buat berbentuk empat segi, tiangnya dibuat dari tebu yang masih ada daun. Bumbungnya dibuat daripada kain kuning atau kain batik yang diikat keempat penjurunya. Dindingnya dibuat daripada tali atau benang yang dililitkan dari satu penjuru ke penjuru yang lain. Benang itu berwarna kuning atau dikuningkan dengan kunyit. Penggunaan warna

kuning untuk tempat mandi pangantin ini mungkin ada kait mengait dengan warna diraja. Disepanjang benang-benang yang ditentangkan tadi disangkutkan sedikit kuih muih yang telah disebutkan tadi. Didalam khemah disediakan kayu tempat duduk atau pun kukor kelapa. Perlu diingat tempat mandi pengantin tidak boleh dibuat dibelakang rumah atau ditepi rumah mungkin dihadapan rumah kawasannya lebeh berseh dan mudah untuk dilihat oleh orang ramai.

- (c) Alat-alat untuk permandian mengandongi
  - (i) air yasin
  - (ii) air kelapa muda
  - (iii) air tolak bala/air doa selamat
  - (iv) mayang pinang yang belum terbuka.
  - (v) mayang pinang yang telah terbuka dan berbunga-bunga.
  - (vi) air bunga-bungaan
  - (vii) air sintuk limau
  - (viii) air biasa yang diambil dari telaga dan telah diasapkan.
  - (ix) selendang berwarna kuning.

Kesemua air-air yang digunakan ini dianggap mempunyai manfaat tertentu. Air Yasin untuk menguatkan badan pangantin. Air sintuk limau sebagai tanda kesucian. Air kelapa muda untuk

kemesraan rumah tangga, air mayang pinang menandakan pengantin masih gadis lagi, air bunga bungaan bagi menyerikan dan mencantikan wajah dan air biasa sebagai tujuan penyucian. Selendang kuning bolehlah dianggap sebagai warna diraja dan menandakan sebagai raja sehari.

Pengantin perempuan setelah siap dibersihkan diri oleh Mak Andam pada pagi hari akan menjalani upacara mandi pengantin pada sebelah petang. Ia memakai pakaian yang cantik diiringi oleh Mak Andam ketempat permandian. Doa selamat dibacakan oleh para hadirin lelaki; setelah berkeliling selama 3 kali ditempat permandian pengantin masuk dan duduk ditempat yang disediakan. Mayang Urai dipegang oleh Mak Andam dan diletakkan betul-betul diatas kepala pengantin, kemudian air-air yang telah disediakan akan dijiruskan kepada pengantin melalui mayang urai tadi. Mula-mula dijiruskan air biasa, air yasin, mayang bungkus (mayang yang belum terbuka) dipecahan supaya isinya bertaboran diatas kepala pengantin. Kemudian diikuti oleh air kelapa muda, air doa selamat, air bunga, air mayang kelapa, air sintuk limau dan akhirnya air biasa. Selesai mandi, pengantin perempuan disalinkan dengan pakaian kering dan diselimutkan dengan selendang kuning dan keluar daripada

khemah. Doa selamat akan dibacakan lagi. Setelah naik kerumah, pengantin perempuan memakan kuih muih yang telah dibuat (kuih-kuih yang di terangkan didalam (iii) a). Kuih muih ini di hidangkan didalam sebuah talam. Pengantin perempuan mesti makan telor dan pulut yang dibuatkan khas untuknya. Kadangkala pengantin lelaki pun membuat upacara permandian dirumahnya sendiri.

(iii) Upacara bersanding

Majlis persandingan dibuat disebelah tengahari atau petang, selepas upacara pernikahan pada pagi hari. Kalau pengantin lelaki tinggal ditempat yang agak jauh rombongannya datang awal dan singgah dirumah yang berhampiran dengan rumah pengantin perempuan, bagi membolehkan mereka bersiap-siap dan berehat selepas majlis pernikahan. Selesai majlis bersanding, kedua pengantin diperkenalkan antara satu dengan lain oleh Mak Andam sementara mereka makan didalam bilik pengantin. Pengantin lelaki pulang pada malamnya dan datang lagi pada esoknya dan sekali lagi mereka disandingkan.

Untuk majlis bertandang kerumah pihak lelaki, pengantin perempuan ditemani oleh beberapa orang tua dan sahabatnya sendiri. Setelah selesai majlis di tempat pengantin lelaki, kedua pengantin baru akan

berjalan dan berkenalan dengan saudara mara kedua belah pehak.

Hadiyah-hadiyah diterima oleh pengantin perempuan daripada mertua mereka ataupun saudara mara pehak lelaki, didalam keluarga pehak lelaki. Pemberian begini dipanggil pembuka jalan. Hadiah-hadiyah berupa wang, pakaian diterima daripada ibu atau bapa mertua dan saudara mara terdekat.

Oleh itu apa yang dapat dirumuskan ialah walaupun upacara dimajlis perkahwinan hampir menyerupai kebudayaan Melayu berbagai alat dan perkakas yang digunakan amatlah berbeza. Terutama sekali upacara permandian yang dibuat dihalayak ramai, seperti permandian yang dibuat oleh raja-raja semasa mengadakan majlis bersiram. Begitu jugalah dengan penggunaan kain kuning untuk selendang atau bumbong khemah permandian. Mungkin juga mereka lebih gemarkan upacara seperti ini dijalankan begitu rupa supaya lebih menarik perhatian.

#### **B. UPACARA KELAHIRAN**

Semasa sesaorang wanita mengandong 7 bulan, terutama yang mengandongkan anak sulung, upacara mandi Tian akan dilakukan untuk mereka. Upacaranya menggunakan alat-alat yang lebih kurang sama dengan mandi pengantin, hanya ianya dilakukan oleh Tok Bidan di dalam rumah. Tujuan dibuat mandi Tian ialah untuk mengelakkan ibu-ibu yang mengandong daripada mengalami kesusahan diwaktu

bersalin. Sedikit kenduri diadakan untuk majlis ini. Lenggang perut dilakukan oleh Mak Bidan bagi menentukan kedudukan bayi didalam perut adalah betul. Mak Bidan inilah juga akan dipanggil kelak apabila sesorang wanita akan bersalin.

Semasa melahirkan anak, bayi yang baru lahir disambut oleh Mak Bidan dan setelah dimandikan ianya dimasukkan kedalam dulang yang telah dialas dengan beberapa helai kain batik (jika bayi perempuan) atau kain pelikat (jika bayi lelaki). Kemudian segengam beras dan duit 30 sen diletakkan dibawahnya. Dipercayai dengan berbuat begini, beras dan duit tersebut akan memberi rezki kepada anak mereka. Oleh sebab itulah kita dapati orang-orang dahulu tidak bimbang jika mempunyai ramai anak, kerana mereka percaya setiap anak yang lahir akan mempunyai rezki masing-masing.

Uri bayi biasanya dicuci dengan garam dan asam sehingga bersih, dibalut didalam kain putih dan dimasukkan kedalam sebuah periok tanah. Periuk tanah ini ditutup dengan daun pisang. Ditengah-tengah daun pisang tadi dipecahkan (betul-betul ditengah mulut periok tadi). Setelah itu periok tersebut ditanam samada dibawah rumah atau dihalaman rumah supaya sentiasa dilalui orang. Dengan demikian dipercayai kanak-kanak itu akan lebh dikenali orang apabila besar. Sehingga bayi itu 'tanggal pusat' - lampu akan diletakkan diatas tempat menanam uri tersebut dengan ini dipercayai bayi akan terang hatinya bila sudah bersekolah.

Upacara menamakan bayi dibuat selepas 7 hari dilahirkan, ada setengahnya pula menamakan sehingga bayi berumur kira-kira satu bulan. Upacara penamaan dibuat oleh Tok Imam atau orang alim, dengan mengguntingkan tiga helai rambut kanak-kanak

tersebut sambil menyebutkan nama yang telah ditetapkan. Bayi dipakaikan dengan pakaian cantik, diletakkan diatas alas/tikar yang dilapik dengan kain batik (bayi perempuan) dan kain pelikat (bayi lelaki). Setelah selesai bayi dibawa masuk kedalam dan ducukur rambutnya oleh Mak Bidan kadang-kadang ada ibu bapa yang tidak mahu mencukurkan sehingga botak kerana ini menyebabkan anak mereka mudah sakit sebab sejok. Mak Bidan mendapat pengeras berupa beras, kelapa sebiji dan sedikit wang.

#### C. KEMATIAN:

Cara orang Banjar menyelenggarkan mayat adalah serupa menurut aturan Islam. Hanya pada hari-hari kematian akan dibuat sejenis kuih yang dipanggil kuih 'serabik'. Kuih ini dibuat pada hari kematian tersebut semasa mayat belum dikebumikan. Ianya dibuat dirumah lain seperti dirumah jiran yang berhampiran. Kuih ini dibuat oleh ahli-ahli keluarga atau jiran-jiran yang datang melawat.

Kuih serabik dibuat daripada tepung beras, dicampur dengan kelapa muda yang diparut dan santan kelapa. Kuih ini dibakar sekeping-sekeping dan dimakan dengan air gula melaka. Biasanya kuih ini tidak dihidangkan semasa mayat belum dibawa kekubur, ianya hanya dihidangkan untuk orang-orang yang balik daripada menghantarkan mayat ditanah perkuburan. Juga kuih ini dibuat untuk para jemputan yang datang menghadiri kenduri arwah pada sebelah malam. Kuih ini dibuat didalam kuantiti yang banyak dan dihidangkan bersama-sama juadah lain untuk para jemputan.

Pada pendapat orang-orang Banjar kuih ini diumpamakan sebagai 'payong' yang dapat melindungi simati dikubor.

#### D. BAHASA

Didalam melihat bahasa Banjar sebagai bahasa yang berlainan dengan Bahasa Melayu, disini dituliskan beberapa potongan ayat-ayat dengan menggunakan bahasa Banjir.

(a) lawang (pintu)

Lawangnya dikancing (pintunya ditutup)

(b) Banyo (air)

Tolong tangangkan banyo! (tolong jerangkan air)

(c) Iwak (ikan)

Iwaknya kedak nyaman (ikannya tidak sedap)

(d) ngalih (susah)

Hai! ngalih bangai menlah (Hai! susah sangat membuatnya)

Oleh itu daripada beberapa perkataan disini (iwak, ngalih, banyo) didapati mempunyai persamaan bunyi dengan perkataan didalam bahasa Jawa. Didalam bahasa Jawa, iwak ialah ikan, ngalih ialah berpindah dan banyo ialah air.

Terdapat juga perkataan-perkataan yang sukar difahami ertiinya seperti:

(a) Kadap bonining (gelap gulita)

Harinya kadap bonining kadak kawak berjalan malam.  
(Harinya gelap gelita dan tidak dapat berjalan malam)

(b) Kelumpanan (terlupa)

(Kelumpanan aka hendak menukar kwantan, dirumah aku kwantannya bocoran.)  
(terlupa saya hendak membeli periuk, dirumah saya tu periuknya bocor.)

(c) Task Mak (cermin mata)

{Ambilkan nah task mak ku diatas meja tu)  
(tolong ambilkan cermin mata aku diatas meja).

Bahasa Banjar digunakan didalam percakapan mereka sehari-hari. Kadang-kadang terdapat orang-orang melayu yang telah lama tinggal disini dan dapat memahami bahasa Banjar, akan juga bercakap didalam bahasa Banjar. Orang-orang Melayu dan Jawa jika mereka benar-benar mempelajari bahasa ini akan juga fasih ber-cakap bahasa Banjar kerana ada beberapa perkataan yang menyerupai bahasa mereka. Disamping itu orang Banjar juga ada juga yang dapat fasih bercakap didalam bahasa Melayu. Dikalangan golongan yang tua, mereka bercakap Banjar tetapi lebeh mempunyai loghat Banjar. Ini jelas sekali didalam banyak penyebutan perkataan mereka menekankan perkataan 'k' dengan keras, seperti ketika menyebut perkataan gerobok, ditekankan bunyi 'k' dengan keras, atau perkataan umak dan makanan, lain-lain perkataan Banjar ialah:

Wginum (minum)

Ugah (geram)

Ikam (awak)

Tapih (kain)

Begawai(bekerja)

Ugoh (penat)

**F. PAKAIAN DAN KEMAHIRAN**

Dari segi pakaian, bagi wanitanya didapati mereka memakai baju kebaya dan berkain batik serta bertudung. Hingga kemasa ini ramai golongan tua yang masih berpakaian begini.

Lelakinya pula memakai baju, kain pelikat dan seluar serta mengikat kepala mereka dengan kain, keris, pisau kecil atau parang sentiasa terselit dipinggang. Sungguh pun begitu, pakaian cara begini tidak lagi diikut oleh kaum lelaki lagi.

Mereka juga mempunyai kemahiran membuat parang panjang iaitu senjata resmi yang menjadi kebanggaan mereka dan mesti dimiliki oleh setiap orang. Ianya digunakan untuk bekerja dan untuk perlindongan diri jika terjadi perkelahian. Parang ini dibuat daripada besi yang pejal dan kukuh, panjangnya satu depa dan memerlukan jampi tertentu untuk membuatnya. Sarong parang dibuat daripada kayu. Orang-orang Banjar pada masa lampau dianggap bersifat agresif dan dikatakan selalu tidak dapat mengawal perasaan bila dicabar, dan mereka tidak gentar menggunakan senjata. Oleh itu didapati diwaktu itu, pendidikan adalah lebih kepada pelajaran ilmu-ilmu kebal, ilmu ghaib dan ugama, segalanya ini penting untuk mereka menghadapi musuh.

Selain daripada itu mereka terkenal dengan cara penangkapan ikan didarat dan dilaut. Mereka menggunakan lukah, kelau dan taut (iaitu alat mengail). Orang Banjar juga mempunyai cara untuk menyimpan ikan supaya tidak busok, dipanggil wadi. Bahan-bahan untuk membuatnya ialah garam, beras goreng, asam keping dan gula merah. Ikan dari jenis besar seperti ikan sepat dipilih. Setelah dicuci berseh-berseh dibiarkan ikan kering airnya. Ikan-ikan itu dibubuh garam dan disusun didalam tempayan atau pasu bermulut kecil. Ikan disimpan selama seminggu supaya garam dan asam meresap. Bila telah cukup seminggu, ikan-ikan dikeluarkan dengan hati-hati supaya tidak hancor. Kemudian digaul dengan

gula merah dan beras goreng (beras goreng ditumbuk halus digaulkan dengan gula merah). Setelah itu ikan-ikan disusun semula didalam pasu, cili kering dimasukkan sebagai petua, ikan tidak akan menjadi busok. Tempayan kecil ditutup kemas dan ikan wadi boleh disimpan sehingga satu bulan atau lebih, barulah digoreng atau dimasak.

Setelah melihat beberapa ciri kebudayaan tradisi orang-orang Banjar, patutlah pula dilihat apakah ciri kebudayaan yang masih diikuti dan telah ditinggalkan oleh orang-orang Banjar, khususnya penduduk diSri Gading ini.

#### F. CIRI KEBUDAYAAN BANJAR DIMASA SEKARANG

Adalah jelas kepada kita bahwa kebudayaan itu adalah sebagai sesuatu yang boleh dipelajari, diperturunkan dari generasi ke generasi (shared culture). Selain daripada berfungsi untuk mengatori tingkah laku anggota masyarakat, ia boleh berubah-ubah mengikut masa dan tempat. Sesuatu budaya yang telah bertembong dengan budaya lain, ia samada meresapi ciri-ciri budaya tersebut atau pun mengambil beberapa aspek sahaja daripada budaya tersebut. Segala yang diambil daripada budaya lain adalah yang dianggap bersesuian dan dapat diterima oleh sebilangan besar anggota masyarakat tersebut. Masyarakatlah yang membentuk budaya. Oleh itu sesuatu budaya berkembang dan berubah mengikut peredaran masyarakat itu sendiri.

Dikalangan masyarakat Banjar ini terdapat berbagai perubahan dalam kebudayaan mereka. Apa yang nyata sekarang mereka tidak lagi mengikuti upacara-upapara tradisi didalam majlis perkahwinan dan kelahiran. Bakal pengantin tidak lagi menjalani upacara mandi

pengantin yang begitu remeh, untuk dijalankan pengkaji telah bertanya kepada beberapa wanita didalam lingkongan umur 40 tahun hingga 50 tahun keatas. Kebanyakkan mereka walaupun didalam golongan orang lama, tidak tahu dengan jelasnya cara yang sebenar untuk upacara mandi pengantin. Walaupun mereka telah menjalani upacara sedemikian semasa perkahwinan dahulu, mereka tidak mengambil berat bagi mengetahui dengan mendalam lagi, supaya mereka sendiri dapat meneruskan upacara tersebut untuk anak-anak mereka kelak.

Faktor ruang juga menghalang penerusan adat resam yang lama ini. Oleh kerana tempat kediaman mereka sempit dan kecil ini tidak menggalakkan mereka mengikut adat istiadat lama lagi. Adat istiadat lama ini jika hendak dijalankan memerlukan kawasan rumah yang luas bagi menjalankan berbagai upacara, dan juga memerlukan tempat untuk saudara mara berkumpul atau menolong membuat berbagai persiapan.

Oleh sebab itulah orang-orang Banjar dikawasan ini terpaksa menjalankan upacara perkahwinan, kelahiran dengan ringkas sahaja. Mereka terpaksalah meninggalkan adat-adat yang remeh dan mengikut adat istiadat orang-orang Melayu yang lebih ringkas. Tambahan pula penduduk disini telah berpindah jauh daripada saudara mara masing-masing yang tinggal dikampong. Tujuan mereka tinggal diladang ini ialah mencari nafkah dan kebanyakkan datang sebagai satu famili asas. Hubungan terjelma diantara jiran-jiran yang berdekatan sahaja. Dari itu bagi menjayakan sesuatu majlis

pertolongan daripada jiran tetangga amat diperlukan. Dalam keadaan beginilah, dalam jangka wantu yang lama, orang-orang Banjar telah mulai dapat mensesuaikan diri dengan kebudayaan orang-orang Melayu.

Ditinjau dari segi ekonomi pula, didapati bagi membuat upacara yang 'elobmate' mereka memerlukan perbelanjaan yang lebuh. Mereka tidaklah dapat mengendalikan lagi (memandangkan pendapatan buruh yang kecil); dan juga tidak ada banyak masa untuk ditumpukan kepada membuat persiapan-persiapan. Dimasa dahulu mereka terdiri daripada orang-orang yang bekerja dikampong-kampong dan tinggal dikalangan kaum keluarga sahaja. Setiap ahli keluarga mempunyai obligasi diantara satu dengan lain. Tambahan pula dimasa dulu, ramai wanita yang tidak bekerja, jadi masa untuk pergi tolong menolong membuat persiapan untuk kenduri kendara adalah lebuh.

Apabila sikap ingin berubah telah ada dikalangan golongan tua terutamanya, sedikit sebanyak akan terjejaslah kebudayaan tradisi mereka. Bila telah kurang penduduk disitu yang mengikuti adat istiadat lama Banjar dan lebuh mengikuti adat istiadat Melayu Tempatan, tidaklah timbul pertentangan diantara pihak yang mahu mengekalkan dan meninggalkan adat-adat Banjar. Terdapat diantara golongan anak-anak muda yang terasa malu jika ibu bapa mereka masih cuba mengamalkan sedikit-sedikit adat Banjar.

Oleh itu jelas dilihat bahwa majlis perkahwinan biasanya mengikut cara-cara perkahwinan orang Melayu, seperti adanya majlis khatam Al-Quran, jamuan makan malam. Golongan muda

lebih memilih untuk mengikuti cara-cara perkahwinan Melayu, walaupun pasangan pengantin ialah keturunan Banjar juga. Tambahan pula sekarang terdapat banyak perkahwinan camporan diantara orang Banjar dan Melayu. Perkahwinan campuran ini mungkin digalakkan oleh keadaan kehidupan orang-orang Banjar sekarang yang tidak lagi mementingkan tanah sebagai harta warisan. Jikalau banyak harta pusaka keluarga ianya mungkin didalam jumlah yang sedikit, setelah dibahgi-bahgikan dikalangan ahli keluarga yang ramai. Jadi pergantongan hidup mereka dengan bertani atau pun harta pusaka telah berkurangan. Mereka telah keluar dari kampong-kampong asal masing-masing bagi membuka penghidupan yang baru dan berpendapatan yang lebuh lumayan. Disamping itu faktor pelajaran telah dapat mengubah cara kehidupan dan pemikiran golongan muda.

Begitulah juga dengan upacara menyambut kelahiran bayi, cara tradisi tidak lagi diikut. Telah ramai ibu-ibu yang mengikut nasihat doktor dan jururawat untuk bersalin dihospital atau pun jika bersalin dirumah, bidan yang bertauliah dipanggil bersama Bidan. Upacara Mandi Tian dilakukan seperti juga mandi tolak bala yang masih kekal dikalangan orang-orang Melayu.

Apa yang ketara pada masa ini ialah penggunaan bahasa Banjar yang begitu menyeluruh dikawasan ini. Terdapat ramai keluarga Melayu yang begitu fasih bercakap bahasa Banjar setelah lama tinggal disini. Didalam percakapan sehari-hari, mereka menggunakan bahasa Banjar dan Melayu. Kadang-kadang bahasa Melayu yang digunakan lebuh mirip kepada penyebutan bahasa Banjar. Oleh itu jelas sekali terdapat persefahaman diantara golongan-golongan

Masyarakat yang tinggal setempat begini. Kanak-kanak Melayu disekolah dimana pengkaji telah pergi<sup>9</sup> didapati begitu fasih bercakap bahasa Banjar. Oleh sebab kawan-kawan mereka sebilangan besar ialah orang-orang Banjar. Dari alam persekolahan ini telah mula terjelma hubungan yang baik diantara kanak-kanak Banjar dan Melayu. Hubungan dialam persekolahan ini akan terus kekal baik hingga keluar sekolah.

Bahasa Banjar dianggap penting untuk diajarkan kepada anak-anak. Dari perbualan yang telah dibuat, pengkaji mendapati kesemua ibu bapa mahukan anak-anak mereka tahu bahasa Banjar. Jika tidak diajarkan, ini dianggap sebagai satu kerugian. Disebabkan hal inilah bahasa Banjar tetap kekal digunakan dan mempengaruhi orang-orang Melayu Tempatan.

Dilihat dari segi pakaian, ramai wanita Banjar yang masih suka memakai kebaya, dan ramai juga yang telah memakai baju kurong. Dikalangan jenerasi muda tidak terdapat apa-apa perbezaan dengan orang-orang Melayu. Bagi kaum lelakinya pula mereka telah banyak yang memakai pakaian baju Melayu. Dilihat tentang kemahiran membuat perkakas, seperti parang, hanya terdapat dikalangan beberapa orang tua sahaja. Tambahan pula parang tidaklah begitu mustahak untuk membuat pekerjaan, kerana penduduk disini tidak bekerja sebagai petani.

---

<sup>9</sup> Sekolah itu ialah sekolah Kebangsaan Sri Mendapat.

Tentang memasak pula, ramai yang masih mengekalkan beberapa cara masakan Banjar disamping masakan Melayu. Masakan mereka selalunya menggunakan serai, lengkuas cekor, kunyit. Tidak seperti masakan Melayu yang menggunakan bahan-bahan ini untuk setengah-setengah masakan sahaja.

Oleh itu apa yang jelas dilihat dikalangan masyarakat Banjar diladang ini, mereka telah banyak meresapi ciri-ciri kebudayaan Melayu. Hanya setengah aspek sahaja yang masih dikekalkan itu pun mana-mana yang dianggap lebuh bermanfaat dan lebuh ekonomikal dijalankan.

Ini tidaklah bererti mereka tidak mahu mengikuti budaya tradisi, tetapi disebabkan oleh tekanan keadaan keliling yang tidak membenarkan mereka untuk tidak berubah. Penglibatan mereka dengan masyarakat yang lebuh besar tidaklah dapat dielakkan. Ini adalah untuk mengukuhkan kedudukan mereka (terutama dari segi ekonomi) ditempat yang baru, iaitu tempat untuk mereka tinggal menetap selamanya.

BAB 4PERUBAHAN DIKALANGAN MASYARAKAT BANJAR

Keadaan didalam sesuatu sistem sosial akan seimbang jika tidak ada perubahan yang datang. Setiap bahgian didalam sistem itu berfungsi dengan harmoni. Keadaan perseimbangan didalam 'Culture Configuration' perlu sekali bagi mengelakkan perubahan yang terlalu cepat. Aktibiti untuk mengekalkan identiti, nilai dan hubungan sistem sosial dipanggil 'Boundary Maintenance'. Namun begitu setiap masyarakat pasti berubah, walaupun pada awalnya akan timbul konflik diantara mereka yang mahu mempertahankan nilai-nilai lama dan yang mengikut nilai baru didalam sistem sosial. Lama kelamaan setelah timbul penyesuian dengan budaya luar, melalui proses assimilasi, dan integrasi, segala unsur budaya luar dapat diterima oleh masyarakat tersebut.

Hal ini dapat dilihat didalam masyarakat Banjar. Oleh kerana mereka dapat berassimilasi dengan masyarakat Melayu Tempatan mereka telah dapat berubah. Assimilasi ialah<sup>10</sup> :-

"The process by which group with diverse beliefs and behaviour patterns becomes absorbs into another culture. The end product of this is the elimination of a group as a distinct cultural entity. Assimilation is a minority response likely to occur when the dominant group accepts the idea and the minority for what ever reason concur".

<sup>10</sup> Minako Kurokawa: Minority Responses Comparative Views of reaction to Subordination. Sacramento, State College, California, New York 1970 MS. 71

Perubahan dikalangan masyarakat Banjar dapat dilakukan oleh kerana beberapa faktor:

(i) Faktor Kawasan

Disini penempatan penduduk adalah mengikut blok dan disetiap blok mengandungi famili-famili Banjar, Melayu dan Jawa. Hubungan persemukaan tidak dapat dielakkan lagi. Oleh kerana bilangan penduduk Banjar kecil, perhubungan dengan masyarakat lain penting, bagi memenuhi beberapa kehendak yang tidak dapat mereka adakan dikalangan kelompok mereka sendiri. Oleh itu intergrasi amatlah perlu dibuat dengan masyarakat Melayu khususnya. Menurut takrifan Schermerhorn<sup>11</sup>.

'Intergration is a process whereby units or elements of a society are brought into an active and co-ordinated compliance with the outgoing activities and objectives of the dominant group in that society'

Intergrasi diantara kedua kumpulan ini mudah berlaku disebabkan tidak adanya perasaan diskriminasi terhadap kumpulan orang Banjar oleh orang-orang Melayu. Dengan itu jalinan hubungan solidemiti diantara mereka berjalan dengan baik. Tambahan pula setiap orang yang tinggal di kawasan ini telah menanamkan rasa cintakan kawasan tempat tinggal mereka sebagai tempat tinggal yang tetap.

<sup>11</sup> Schermerhorn A.R. Comperative Ethics, Research. Random House. New York 1970 MS 14.

(ii) Faktor Pekerjaan yang sama:

Kesemua penduduk disini bekerja dibawah satu majikan yang memerlukan mereka bersatu demi untuk kebaikan dan kestabilan ekonomi masing-masing. Oleh kerana minat dan kepentingan yang sama didalam bidang pekerjaan, ini telah menolong mereka untuk bersatu padu terutama ketika menghadapi masaalah dengan pehak majikan. Perlu diingat bahwa golongan buruh diladang adalah tergolong dibawah NUPW (National Union of Plantation Workers). Kesatuan ini telah banyak memberikan khidmat-khidmat mereka demi untuk kebaikan pekerja-pekerja diladang. Jika mereka menghadapi masaalah-masaalah, wakil-wakil yang tertentu daripada pehak kesatuan akan menyiasat perkara itu dengan lanjut, bagi kepentingan pekerja.

(iii) Faktor Ugama:

Ugama dapat memenuhi fungsi-fungsi penyatuan umat. Dengan mempunyai kepercayaan kepada satu ugama yang sama, penduduk disini dapat meninggikan lagi solidariti dan 'social cohesiveness' dikalangan penganut-penganutnya. Disamping itu mereka mengikuti nilai ugama yang menghendaki mereka supaya berbaik-baik dan mengeratkan hubungan persaudaraan. Faktor ugama inilah yang telah menguatkan lagi assimilasi dan intergrasi orang-orang Banjar didalam masyarakat

Melayu. Dimasjid atau disurau, selepas bersembahyang mereka bersalaman dan beramah mesra. Boleh dikatakan dikampung, masjid adalah menjadi tempat tumpuan orang ramai untuk berkenalan dan beramah mesra. Tambahan pula, disini masjid adalah didirikan diluar kawasan ladang, jadi ini membolehkan setiap orang dari kampong lain dapat berkenalan dengan orang-orang Banjar khususnya. Hubungan dapat dibentuk melalui kehadiran didalam majlis-majlis keugamaan seperti perayaan Maulud Nabi, Membaca Yasin, Kenduri Doa Selamat.

#### (iv) Aktibiti Sosial

Bentuk-bentuk tindakan bersama yang lain terdapat pada masa majlis kenduri kendara seperti majlis perkahwinan. Pada masa seperti ini tuan rumah yang mengadakan kenduri tidak perlukan pekerja-pekerja untuk menolong ia boleh mendapatkan pertolongan percuma daripada jiran tetangga sahaja. Umpamanya jika sebuah rumah, akan mengadakan majlis kenduri yang agak besar ketua blok tersebut akan berbincang dengan tuanrumah tentang, perkara-perkara yang memerlukan pertolongan ramai setelah itu ketua blok akan memberitahu penghuni-penghuni lain dan dihari minggu (Ahad) mereka akan bergotong royong mencari kayu api, membina balai, atau pun peahak perempuan akan menolong membuat persiapan-persiapan didalam rumah tersebut. Selain daripada itu jika diantara tuanrumah yang akan

mengadakan kenduri adalah anggota sesuatu persatuan, ia akan mendapat bantuan tenaga daripada ahli-ahli persatuan yang lain. Dengan adanya perasaan tolong menolong begini, menjadikan institusi sosial ini mempunyai fungsi penting dalam kegiatan sehari-hari.

Penglibatan penduduk disini didalam persatuan telah dapat merapatkan jurang perbezaan. Ramai orang-orang Banjar yang mempunyai bakat pemimpin dan mereka terpilih untuk menjadi ketua. Kepercayaan penuh yang diberikan kepada sesorang ketua oleh pengikut-pengikut dapat memberikan kekuatan kepada sesebuah kumpulan. Penglibatan penduduk didalam persatuan dapat dilihat dijadual ini:

#### Jadual 9

#### Penglibatan Penduduk didalam Persatuan/Kumpulan

<u>Nama Persatuan</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1. UMNO	64	34.59%
2. WANITA UMNO	20	10.81%
3. Belia & Beliawanis	56	30.27%
4. Kumpulan Yasin (Wanita)	25	13.51%
5. Tiada menyertai sebarang Persatuan/Kumpulan	20	10.81%
<b>JUMLAH</b>	<b>*185</b>	<b>100%</b>

\*Jumlah tidak terhad hanya pada Ketua Rumah tangga.

Dikawasan ini kebanyakkan penduduk menjadi ahli biasa didalam UMNO, hanya seorang menjadi ketua pemuda UMNO bagi keseluruhan ladang Sri Gading. Bagi kumpulan kaum Wanita UMNO pula pengerusi, bendahari dan setiausaha adalah terpilih daripada kawasan 5B ini. Kumpulan Belia dan Beliawanis disertai oleh golongan mudamudi. Kumpulan Yasin wanita disertai oleh sebilangan kecil dari pada wanita dikawasan ini, mereka bergabong dengan kumpulan Yasin daripada bahgian 5A.

Penyertaan yang kecil oleh wanita ialah disebabkan ramai wanita disini yang mempunyai anak kecil dan mempunyai banyak kerja-kerja dirumah. Tambah menyulitkan pula, kumpulan Yasin menjalankan aktibiti disebelah malam, kerana disebelah siang ialah masa untuk berehat-berehat untuk wanita yang bekerja dan memberikan masa untuk menguruskan rumah tangga. Oleh itu ramai wanita yang tidak berminat menyertainya. Kumpulan ini biasanya mengadakan majlis membaca Yasin seminggu sekali dirumah tiap-tiap ahli secara bergilir-gilir. Biasanya tuan rumah akan memberikan sedikit jamuan untuk mereka. Jika berlaku kematian dimana-mana rumah diblok ini kumpulan ini dengan sukarela datang untuk membaca Yasin, untuk sedekah simati selama 3 malam atau 7 malam berturut-turut. Biasanya mereka membaca Yasin selepas kaum lelaki selesai membaca doa kenduri arwah. Jadi disini terdapat kedua golongan lelaki dan perempuan mengambil peranan masing-masing yang berbeza ialah kumpulan lelaki tidak membentuk kumpulan-kumpulan seperti yang terdapat di tempat lain. Mereka hanya bersukarela dan akan menyertai sebarang majlis kenduri kendara asalkan dijemput oleh tuan rumah.

(v) Polisi Kerajaan

Banyak polisi kerajaan yang telah dapat mengubahkan cara penghidupan orang Banjar misalnya larangan membawa senjata oleh orang awam tanpa kebenaran. Sedikit demi sedikit orang Banjar telah dapat menghilangkan tabiat membawa senjata kemana-mana.

Disamping itu banyak peluang-peluang untuk membaiki kehidupan masyarakat melayu seluruhnya melibatkan juga orang Banjar. Perubahan yang diarahkan oleh pehak kerajaan dipanggil 'Directed Contact Change'. Usaha begini dapat dilihat didalam usaha kerajaan untuk mengimbangkan ekonomi, masyarakat luar bandar dan bandar bagi memenuhi dasar ekonomi baru. Dengan ini orang-orang Banjar bersama merebut peluang demi untuk kebaikan mereka dimasa depan.

Dikalangan orang melayu tempatan dikawasan ini didapati mereka tidaklah membezakan sangat orang Banjar dan melayu. Terdapat hubungan perjiranan, perhubungan didalam pekerjaan dan persatuan. Ini telah cukup membuktikan tidak ada diskriminasi orang melayu terhadap orang-orang Banjar. Tambahan pula dimasa ini konsep Banjar lebih menepati untuk mengetahui keturunan seseorang sahaja, sebab orang-orang Banjar disini telah banyak meninggalkan kebudayaan tradisi mereka.

Jelas sekali dilihat bahwa masyarakat ialah kumpulan manusia yang dinamik, sentiasa mengalami perubahan. Setiap budaya luar dapat diterima oleh sesuatu budaya lain melalui proses diffusi iaitu proses penerimaan sesuatu unsur dari luar dan menyatukan unsur luar itu kedalam budaya yang sedia ada. Jadi penerimaan dan penyatuan (intergrasi) menjadi faktor penting untuk perubahan.

Selain daripada itu 'acculturation' juga penting untuk perubahan, dimana sesuatu masyarakat meninggalkan kebudayaan mereka yang asal dan mengikut pola kebudayaan yang baru (Kebudayaan masyarakat dimana mereka tinggal). Dari itu didapati masyarakat Banjar yang telah mengalami perubahan disini, telah berjaya berassimilasi dan bersatu dengan masyarakat Melayu tempatan, sebagai satu masyarakat Melayu.

#### (vi) Faktor Pelajaran

Jadual 10

Tingkat Pelajaran Anak-anak Banjar

<u>Tingkat Pelajaran</u>	<u>Bil.</u>	<u>Peratus</u>
1. Tingkatan 5	5	7.35%
2. Tingkatan 4	3	4.41%
3. Tingkatan 3	5	7.35%
4. Tingkatan 1 & 3	15	22.06%
5. Sekolah Rendah Darjah 1-6	40	58.82%
<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>	<b>100%</b>

Pada bab ke 2 tadi telah disebutkan tentang kedudukan pelajaran ibubapa disini hanya setakat darjah randah sahaja. Daripada jadual diatas didapati bilangan kanak-kanak yang dihantarkan kesekolah amatlah menggalakkan, setiap kanak-kanak disini mendapat pendidikan awal disekolah-sekolah Melayu lebh hampir dengan kawasan ini dan belanja untuk persekolahan adalah jauh lebh murah. Kanak-kanak pergi kesekolah hanya dengan mengayuh basikal atau dihantarkan oleh ibubapa mereka sewaktu didalam perjalanan menuju ketempat pekerjaan masing-masing.

Pelajaran telah dapat memberikan peluang untuk anak-anak Banjar dan Melayu bergaul mesra. Institusi persekolah juga menggalakkan sosialisasi yang seragam bagi kedua kumpulan kanak-kanak. Setiap kanak-kanak Melayu dan Banjar dapat bergaul dengan mesra sebagai jiran tetangga, kawan sepermainan dan kawan persekolahan. Oleh itu sosialisasi yang seragam ini telah dapat membentuk sifat kanak-kanak Melayu dan Banjar supaya sentiasa tolong menolong dan menghilangkan rasa prasangka diantara mereka.

Disamping itu pelajaran formal telah menolong orang-orang muda bergerak keluar daripada kumpulan bagi mencari sara hidup, setelah mencapai kelulusan yang dikehendaki. Ramai diantara mereka yang berkelulusan SPM atau SRP telah berjaya mendapatkan pekerjaan dibandar-bandar, golongan muda ini walaupun tidak tinggal disini, sedikit sebanyak telah membawa perubahan keatas kehidupan keluarga mereka kerana keluarga mereka sering berulang alik ketempat mereka dibandar. Disamping mempunyai kebebasan untuk mencari pekerjaan, golongan muda juga mempunyai kebebasan untuk memilih pasangan hidup mereka sendiri.

Walaupun begitu disini, terdapat ramai anak-anak pekerja yang belajar hanya setakat darjah 6 atau pun setakat Tingkatan 1, 2,

3. Mereka ini lebh suka bekerja diladang ini sebagai pekerja harian, atau bekerja digudang getah ladang ini. Pekerja harian ialah mereka-mereka yang bekerja dengan pehak ladang dan mendapat gaji mengikut hari. Kerja-kerja mereka termasuklah membersehkan membaja, atau pun memetik kelapa sawit. Juga kerja-kerja lain seperti membaja pokok-pokok getah atau pun meracun rumput. Faktor yang menyebabkan kegagalan mereka didalam pelajaran ialah kerana pengaroh-pengaroh yang dibawa oleh mereka yang sudah bekerja. Mereka mendapati didalam lingkongan umur yang begitu muda, mereka dapat bebas menggunakan wang hasil pendapatan sendiri. Mereka dapat menghisap rokok, menonton, membeli pakaian yang cantik dan setengahnya pula boleh dapat membeli motosikal. Tambahan pula disini apabila sesorang kanak-kanak itu telah mendapat kad pengenalan, ianya diterima untuk bekerja diladang ini. Ramai diantara mereka pernah terlibat didalam kes ponteng sekolah, terutama sekali mereka yang belajar disekolah persendirian.

Ada setengah ibubapa yang tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka dan lebh suka melihat anak-anak mereka bekerja sendiri dan tidak bergantong kepada mereka lagi. Setengah ibubapa pula berusaha menghantarkan anak-anak mereka yang masih bersekolah menengah (terutamanya anak-anak lelaki) kesekolah-sekolah lain dan tinggal berjauhaan dengan kawasan ladang bersama saudara mara. Dengan ini mereka akan terelak daripada pengaroh kawan-kawan yang tidak bersekolah. Menurut keterangan seorang guru disitu,

kanak-kanak yang berjaya didalam persekolahan adalah mereka yang suka mengasingkan diri daripada kawan-kawan disitu dan yang tinggal diasrama sekolah atau pun yang tinggal dengan saudara mara ditempat lain.

Suasana kehidupan ditempat ini adalah tidak begitu mententeramkan bagi pelajar-pelajar. Keadaannya rich dengan suara kanak-kanak bermain pada siang hari dan diwaktu malam suara daripada peti television dan radio juga mengganggu ketenteraman. Pelajar-pelajar disini juga merasakan keadaan yang demikian mengganggu mereka untuk memupuk sepenuh perhatian kepada pelajaran. Sungguhpun begitu, kesedaran yang timbul dikalangan ibubapa disini tentang pelajaran adalah amat menggalakkan.

Sebagai rumusan dapatlah dikatakan faktor kawasan, pekerjaan, aktibiti sosial, ugama, pelajaran dan polisi kerajaan telah dapat menolong mengubah sikap dan cara kehidupan orang-orang Banjar disini. Perubahan dikalangan mereka membawa kepada kesepaduan budaya mereka dengan budaya orang-orang Melayu Tempatan.

<sup>12</sup> Prof. Leonard N. Ransome In our Society. Oxford University Press, London, Report of Ceylon Census 1931. The Social Conditions Report No. 20. Part 1932 No. 1.

BAB 5MASA DEPAN MASYARAKAT BANJAR

Sesebuah negara yang mempunyai rakyat terdiri daripada berbilang bangsa dan keturunan memerlukan satu cara pemerintahan yang adil, supaya setiap bangsa dapat hidup dengan aman dan damai, tanpa sebarang diskriminasi. Walaupun demikian, keadaan begini amat sukar untuk dicapai. Jika kita melihat kedua-dua, banyak negara-negara besar seperti Amerika, Britain menghadapi masaalah golongan minoriti ini. Golongan minoriti ini menghadapi keadaan hidup yang tertindas didalam sebarang lapangan penghidupan.

Diskriminasi bererti:

'Being deprived of moral rights or privilege

because one is a member of some specific group'<sup>12</sup>

Golongan minoriti dikenali sebagai minoriti disebabkan oleh beberapa perbezaan-perbezaan yang wujud dikalangan mereka jika dibandingkan dengan golongan majoriti seperti perbezaan dari segi bahasa, keadaan fizikal, cara hidup dan budaya mereka, ugama, pelajaran dan lain-lain. Oleh itu dikatakan:

<sup>12</sup> Irwin, Leonard B., Minorities in our Society, Oxford Spectrum Series, Aspects of Contemporary life. The social studies, Oxford Book Co. New York 1972 MS 1.

"A minority group is a collectivity of person who because of their physical or cultural characteristics, are singled out from the others in the society, in which they live for differential and unequal treatment and who regard themselves as objects of collective discrimination"<sup>13</sup>.

Oleh itu keujudan golongan minoriti, menunjukkan adanya keujudan golongan yang lebih tinggi kedudukannya, dan mempunyai berbagai kelebihan didalam beberapa bidang-bidang tertentu yang membolehkan mereka memegang tampok kekuasaan.

Kuantiti tidaklah dapat menentukan golongan minoriti sebab terdapat di Afrika Selatan, dimana golongan Minoriti kulit putih dapat memegang tampok pemerintahan, sedangkan majoriti orang-orang kulit hitam tertindas melalui dasar-dasar apartheid. Ini terjadi disebabkan oleh pengetahuan dan kebolehan yang lebih, yang ada dikalangan golongan kulit putih sebab itulah dikatakan 'Statistical Majorities' boleh menjadi 'sociological Minorities' dan sebaliknya pula, 'Being a member of a minority group is a stigma brought on by the exercise of hostility, prejudice and discrimination by dominant majority group members'<sup>14</sup>.

<sup>13</sup> Gittler, Joseph.B, Understanding Minority Groups, City University of New York and Yeshira University 1956. MS 127

<sup>14</sup> Wirth, Louis, The problems of Minority group, in Ralp Linton edition. The Science of Man in the world crisis. Columbia University Press. New York 1945 MS 128.

Didalam banyak hal, hubungan diantara golongan majoriti dan minoriti adalah 'competative'. Aspirasi golongan minoriti adalah bergantung pada 'vested interest' golongan majoriti. Dari itu berbagai cara digunakan oleh golongan majoriti bagi menindas golongan minoriti seperti halangan-halangan dari segi sosial, ekonomi dan politik. Kesemua ini dibuat bagi mengekalkan kedudukan mereka ditempat istimewa.

Proses assimilasi menghendaki, 'minorities consent to abandon the ethnic, cultural and linguistic characteristics which distinguish them from the national majorities with whom, they live and to become merged into nationally uniform communities with the majorities'<sup>15</sup>.

Jika dilihat didalam konteks negara kita sendiri didapati perbezaan ras diantara golongan dominan dan minoriti (golongan pendatang) tidaklah ketara. Di Sarawak dan Sabah terdapat berbagai golongan atau suku bumiputra. Di Sarawak terdapat orang Melayu, China, Dayak Laut, Dayak Darat, Melanau dan lain-lain Suku Asli. Di Sabah pula terdapat, orang-orang Kadazan, Murut, Bajau Melayu, Indonesia, Cina dan lain-lain Suku Asli. Sarawak menghadapi kesukaran didalam bidang politik dan ekonomi keragaman kesukuan bumiputra telah menimbulkan perpecahan dikalangan suku Iban, kerana dikalangan mereka telah timbul persaingan didalam bidang politik.<sup>16</sup>

<sup>15</sup> Baron, Milton. L., Minorities in a changing world, The City college of the City University of New York MS 7.

<sup>16</sup> Mohd. Noor Azam, 'Sarawak memasuki zaman baru'. Dewan Masyarakat 15 Oktober, 1977. DBP. MS 15.

Suku Dayak adalah golongan yang terbesar di Sarawak (40%). Ia mengandungi Suku Iban (30%) dan Suku Bidayuh (14%). Perpecahan terdapat dikalangan Iban (Dayak Laut) dan Bidayuh (Dayak Darat). Setiap golongan mahu mempertahankan identiti masing-masing dan keutuhan kelompok masing-masing.

Hal ini tidaklah berlaku di Semenanjong mungkin kerana golongan pendatang<sup>17</sup> yang menduduki beberapa kawasan disini bukanlah golongan bumiputra. Mereka lebih mudah berassimilasi dengan masyarakat Melayu Tempatan mungkin disebabkan oleh:

- (i) persamaan kepercayaan ugama iaitu Ugama Islam.
- (ii) penerimaan mereka oleh ramai sebagai orang melayu mengizinkan mereka untuk menikmati peluang-peluang hidup yang dapat dirasai oleh orang-orang melayu tempatan.
- (iii) Mereka juga dapat melibatkan diri didalam semua bidang sosio-ekonomi dan politik.
- (iv) Tidak timbulnya prasangka dan diskriminasi daripada orang-orang Melayu terhadap orang-orang Banjar.

Bagi masyarakat Banjar dan lain-lain golongan pendatang, kesemua faktor diatas telah cukup untuk menstabilkan kedudukan mereka disini, dan tidak ada kebimbangan tentang masa depan mereka. Oleh itu jika diperhatikan, perubahan-perubahan yang dilalui oleh

---

<sup>17</sup> Disini golongan pendatang diertikan sebagai golongan yang diiktiraf sebagai orang melayu didalam perlembagaan.

masyarakat ini, telah membawa kepada perubahan budaya mereka. Akibat daripada kedudukan kawasan Banjar berhampiran dengan kampong-kampong Melayu dan tempat tinggal yang setempat dengan orang Melayu (Diladang Sri Gading) mereka telah dapat mengurangkan sifat-sirat lama mereka yang agresif dan 'ethnocentric'. Tambahan pula mereka datang dengan tujuan untuk mencari rezki dan menetap, bukanlah seperti golongan pendatang lain seperti orang-orang keturunan India dan Pakistan (golongan peniaga terutamanya) yang suka berulang alik pulang ketempat asal mereka. Mereka juga akan pulang terus ke India setelah tua, kerana mereka masih lagi mempunyai keluarga dan sanak saudara serta tanah disana.

Orang-orang Banjar pada masa awalnya ketika datang ke Sri Gading, ada yang melibatkan diri dengan pertanian dan ada pula yang datang bekerja diladang getah ini untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. Oleh itu mereka dapat tinggal menetap disatu-satu tempat kerana ikatan mereka dengan tanah dan aktiviti pertanian. Dikampong-kampong orang Banjar mempunyai tanah-tanah yang ditanam dengan getah dan pokok buah-buahan. Ada diantara pekerja diladang ini yang telah pergi kekawasan Felda bagi memperbaiki kehidupan mereka dimasa depan. Keadaan ini tidaklah bererti setiap keluarga Banjar melibatkan diri dengan pertanian, tetapi ini adalah ciri hidup yang dominan sejak mereka datang ke kawasan ini. Satu hal yang jelas ialah golongan masyarakat Banjar sejak dari dulu lagi telah cuba memantapkan hidup mereka dikalangan orang Melayu. Mereka menentukan bahwa tujuan asal mereka datang kemari (tujuan ekonomi) tidak sia-sia. Tanah

sendiri perlu dimiliki dan dikerjakan bagi mendapatkan hasil. Pekerja diladang pula menentukan bahwa selepas habis tempoh pekerjaan diladang ini mereka mesti telah ada mempunyai tanah, sekurang-kurangnya untuk tapak rumah.

Didalam hal mencapai tujuan-tujuan hidup mereka melalui bidang ekonomi, mereka membuat hubungan yang 'personal' dengan penduduk Melayu Tempatan. Ugama telah mendorong mereka untuk berbaik-baik dan menghilangkan rasa permusuhan, begitu jugalah dengan aktibiti sosial yang disertai. Oleh itu dapat dikatakan bahwa segala bentuk perubahan dikalangan mereka adalah disesuaikan dengan keadaan sekeliling yang mendesak mereka untuk berbuat demikian.

Melalui pelajaran anak-anak keturunan Banjar telah dapat bercampur gaul dengan kanak-kanak Melayu dari sejak kecil lagi. Ini menolong mereka membentuk perhubungan yang baik sejak daripada sekolah lagi. Golongan dewasa pula membuat perhubungan melalui kegiatan sosial, tempat kerja yang sama dan tempat tinggal yang sama. Golongan muda pula dapat mengeratkan lagi kedua kumpulan melalui perkahwinan campuran. Dari itu ~~dise~~tiap peringkat umur telah ada institusi-institusi tertentu yang boleh membawa kepada perubahan sikap dan cara hidup orang Banjar. Tambahan pula jika telah ramai anak-anak yang telah mendapatkan pekerjaan diluar kawasan kediaman mereka seperti dibandar-bandar, ini akan lebuh mempercepatkan proses perubahan yang membawa kepada

'familial disorganization'. Menurut Winch<sup>18</sup> ada 3 faktor yang menyebabkan hal ini berlaku:

- (i) There is increasing disagreement among the members of the system as to their claim and obligation. Upon each other, that is there is a reduction in the degree of consensus concerning the system's constituent positions and roles.
- (ii) There is a reduction in the number of positions in the structure.
- (iii) There is a reduction in the number or range of claims and obligations made and or honored that tie positions of the structure to each other. That is there is a loss of functionality (reduction in economics functioning).

Oleh itu melalui pelajaran, pekerjaan berlakulah mobiliti fizikal dan mobiliti Ilmu Alam yang secara tidak langsungnya berkaitan dengan perkahwinan. Pemilihan pasangan tidak lagi berbentuk seratus peratus endogamous. Pilihan jodoh diluar kumpulan mereka dibenarkan sekarang. Hubungan perkahwinan dapat meluaskan lagi hubungan 'Kekerabatan'. Proses perkahwinan seperti ini lambat laun akan mengakibatkan hilangnya keturunan mereka, kerana

<sup>18</sup> Winch F.R: The Modern Family 3rd. Edition. 1971. Holt. Rinehart and Winston Inc. MS 624.

jurai keturunan tidak dapat lagi disusur galorkan, dan jadilah mereka bersepada dengan masyarakat Melayu.

Proses assimilasi/penyerapan melibatkan penyerapan golongan minoriti kedalam golongan dominan dan sebagai akibatnya timbul satu masyarakat yang lebih besar dan serupa. Ini berupa kombinasi diantara budaya kedua masyarakat yang terlibat.

Milton Gardon<sup>19</sup> telah memberikan peringkat proses assimilasi sehingga membawa ujudnya kesepaduan yang menyeluruh.

Pertamanya assimilasi dimulai oleh golongan minoriti melalui 'Cultural/Behaviourial assimilation'. Ia melibatkan penyerapan pelakuan-pelakuan budaya masyarakat dominan oleh golongan minoriti.

Keduanya assimilasi struktur, dimana ia melibatkan kemasukkan golongan imigran kedalam organisasi social, dan 'general civics life of receiving country'. Apabila keadaan ini berlanjutan ia membawa kepada assimilasi perkahwinan. Dengan ini pola perkahwinan tidak lagi bercorak endogamous tetapi exogamous. Setelah hubungan rapat terjelma melalui persatuan dan perkahwinan ini akan membawa kepada assimilasi identifikasi.

<sup>19</sup> Milton Gardon: Assimilation in American Life. Oxford University Press, New York 1964. MS 62.

Ini terlihat apabila golongan pendatang telah menghilangkan perasaan kakitaan pada kumpulan mereka sendiri, tetapi perasaan kakitaan ditumpukan kedalam masyarakat dominan. Selanjutnya ini membawa kepada proses assimilasi pelakuan - dimana perasaan diskriminasi telah tidak ditimbulkan. Akhir sekali ialah assimilasi sibik, dimana telah tidak timbul perbezaan nilai di antara kedua budaya. Sistem kebudayaan lebuh mementingkan kesepaduan diantara kedua budaya didalam berbagai hal.

Dikalangan masyarakat Banjar, mereka telah meliputi kesemua tanah assimilasi ini secara meluas. Generasi Banjar yang ada sekarang masih juga mengekalkan beberapa aspek 'kecil' budaya mereka. Dijangkakan didalam satu atau dua generasi akan datang besar kemungkinan mereka tidak lagi mengikuti tradisi-tradisi Banjar lagi. Bahasa Banjar yang dapat dikekalkan hingga kemasa ini, mungkin dapat dipertahankan jika mereka tetap tinggal seperti keadaan sekarang. Bahasa ini mungkin lenyap juga akhirnya jika generasi muda telah tinggal berjauhan dari kumpulan mereka. Kedua golongan tua dan muda merasakan bahwa amatlah sukar untuk mendapatkan satu masyarakat Banjar didalam beberapa generasi yang akan datang. Ini memandangkan ramai golongan generasi muda yang telah pergi merantau bekerja ditempat lain. Juga bertambah ramainya bilangan mereka yang berkahwin campur. Satu hal yang nyata ialah, walaupu pada masa sekarang ada didapati lagi satu kawasan pengelompokan orang-orang Banjar seperti ditempat kajian, tidak terdapat lagi pengekalan kebudayaan Banjar tradisi.

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahwa orang-orang Banjar diladang Sri Gading ini, telah berassimilasi dan berintergrasi dengan masyarakat Melayu Tempatan. Besar kemungkinan akan terhapus golongan mereka dari dikenali umum. Tambahan pula ahli masyarakat mereka tidak menekankan ahli-ahlinya untuk mematuhi unsur-unsur budaya mereka sendiri. Jadi masyarakat Banjar telah berubah kearah ke Melayuan dan akan tidak lama lagi menghilangkan unsur ke Banjaran asal.

- University of New York and The Chinese University of Hong Kong, 1964.
3. Tavel, Leonard H. = Illustrated Encyclopaedia of Chinese Society, Aspects of Contemporary Life - The Social Studies. New York. 1972.
4. Kuan, Kuan-hua = +++++, Comparative view of Chinese Suburbia, Government Intercollegiate, California. New York. 1970.
5. Abdul Rahman, Ahmad = Sejarah Daerah Batu Pahat, 1882 - 1977. Kajian Ilmiah S.A. Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kuala Lumpur 1977/1978.
6. Mohd. Ismail = Magazine Souvenir di Malaysia. Berlin, Kuala Lumpur, July 1977.

Bibliografi:

1. Aziz Deraman - Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia KL 1975.
2. Baron, Milton, K.L. - Minorities in a changing world, The City College of the City University of New York
3. Gardon, Milton - Assimilation in American Life, Oxford University Press. New York 1964.
4. Gittler, Joseph B - Understanding Minority groups, City University of New York and Yeshiva University 1956.
5. Irwin, Leonard B - Minorities in our society, Oxford specturum series, Aspects of Contemporary life - The social studies. New York 1972.
6. Minako Kurokawa - Minority Responses, Comperative views of reaction to subordination. Sacramento State College, California New York 1970.
7. Mohd @ Ahmad Pawazi b. Mohd. Basri. - "Sejarah ringkas Batu Pahat, 1880 - 1917" Kajian Ilmiah B.A. Jabatan Sejarah University Malaya 1971/1972.
8. Mohd. Redzuah Aslie. - Masyarakat Banjar di Malaysia. Mastika, Utusan Melayu, Julai 1977.

9. Mohd.Noor Azam - Sarawak memasuki zaman baru. Dewan Masyarakat, DEP, 15 Oktober, 1977.
10. Rogers E.M. (Michigan State University) and Burdge Social Change in Rural Societies. 2nd Edition University of Kentucky, Appleton, Century Crofts, Education Division. Meredith Cooperation 1972.
11. Siti Fatimah Awang. - 'Kekeluargaan dan Perkahwinan orang-orang Banjar disatu kawasan Krian Laut Perak'. Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi U.M. 1973/74
12. Schermerhorn A.R.- Comparative Ethics Research. Random House New York 1970.
13. Tan Sri Suffian Hashim - An Introduction to the constitution of Malaysia. Government Printers K.L. 1972.
14. E.B. Tylor - Primitive Culture J. Murry London 1903
15. Wirth, Louis - The Problems of minority group, in Ralp Linto Edition. The Science of man in the world crisis. Columbia University Press. New York 1945.
16. Winch, Robert F - The Modern Family. 3rd Edition. Holt Rinehart and Winston Inc. 1971.

LAMPIRAN

Contoh Questionnaire

1. Nama Ketua Keluarga: .....
2. Umur: .....
3. Jantina: .....
4. (a) Pekerjaan:
  1. Penoreh getah di ladang.
  2. Pekerja di Gudang Ladang.
  3. Lain-lain pekerjaan yang berkenaan dengan Ladang.(b) Pendapatan bulanan: .....
5. (a) Pekerjaan Isteri:
  1. Suri rumah tangga.
  2. Menoreh getah diladang.
  3. Menolong pekerjaan suami.(b) Pendapatan bulanan: .....
6. Pemilikan tanah:

Keluasan Tanah

Kegunaan Tanah

- |                  |       |
|------------------|-------|
| 1. Tinggi        | ..... |
| 2. Rendah        | ..... |
| 3. Tinggi/Rendah | ..... |
| 4. Tinggi        | ..... |
| 5. Rendah        | ..... |

7. Tingkat pelajaran: 1. Tidak bersekolah  
                           2. Sekolah Rendah + Menengah rendah.  
                           3. Lulus Tingkatan 5 keatas  
                           4. Sekolah rendah  
                           5. Sekolah ugama

8. Pertalian kekeluargaan dengan isteri:

1. Sepupu
2. 3 pupu/2 pupu
3. persaudaraan yang jauh
4. Melayu
5. Jawa
6. Orang lain tetapi Banjar.

9. i) Siapakah yang mula-mula datang dari daerah Banjar?

1. Bapa
2. Emak
3. Anda
4. Nenek
5. Datok
6. Lain-lain

ii) Siapa yang mula-mula tinggal dikawasan ini.

1. Bapa/Bapa mertua
2. Emak/Emak mertua
3. Datok
4. Nenek
5. Lain-lain

ii) Keluarga dirumah

Isteri	Anak Lelaki	Anak Perempuan	Adik Perempuan	Adik Lelaki	Ipar Lelaki	Ipar Perempuan	dll

10. Pencapaian pelajaran anak-anak.

1. Peringkat Universiti
2. Institusi Tinggi
3. STP
4. SPM
5. SRP
6. Darjah 6
7. Sekolah Ugama

11. Perlukah anak-anak belajar keperingkat tinggi?

.....

12. Anak-anak yang telah bekerja

Bil.	Jantina	Taraf

13. Anak-anak yang telah berkahwin

Jantina	Bangsa Suami/ Isteri	Umur	Bil Anak

13. a. Bil. anak yang telah berhijrah ketempat lain (bandar)

Bil.	Jantina

b. Tempat berhijrah:

Bil.	Kampong	Bandar

15. Bahasa dirumah

- |                  |           |                    |
|------------------|-----------|--------------------|
| 1. Banjar        | 2. Melayu | 3. Banjar + Melayu |
| 4. Banjar + Jawa |           |                    |

1. Banjar      2. Melayu      3. Banjar + Melayu

4. Banjar + Jawa

16. Adakah anda mengambil tahu tentang pelajaran anak-anak?
- .....  
.....
17. Bagaimanakah anak anda menggunakan masa lapang?
- .....  
.....
18. Bagaimanakah hubungan anak-anak anda dengan jiran-jiran Melayu disekolah dan diluar Rumah?
- .....  
.....
19. Bagaimanakah penggunaan adat-adat lama didalam perkahwinan dan lain-lain upacara?
- .....  
.....
20. Masakan harian dirumah mengikut cara Banjar/Melayu/Campur
21. Kegiatan seni ditempat anda
22. Adakah anda menjadi ahli persatuan/kumpulan?

Nama Persatuan Kumpulan	Kedudukan

23. Dalam kesusahan atau bila perlukan pertolongan siapa yang menolong  
(1) Kaum keluarga (2) rakan-rakan orang Banjar  
(3) rakan-rakan orang Melayu dan lain-lain
24. Apakah pandangan anda tentang perubahan yang berlaku sekarang dikalangan kelompok anda.
25. Jika telah banyak berlaku perubahan-perubahan didalam berbagai bentuk kehidupan didalam kelompok anda, apa pendapat anda kesan-kesannya pada kumpulan anda?

